



# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN NEGARA**

*Senate*

**PARLIMEN KELIMA**

*Fifth Parliament*

**PENGGAL PERTAMA**

*First Session*

**KANDUNGANNYA**

**MENGANGKAT SUMPAH [Ruangan 461]**

**PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA:**

**Mengalu-alukan Ahli Baru [Ruangan 461]**

**Titah Jawapan D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong  
kepada Ucapan Tahniah [Ruangan 461]**

**Perutusan daripada Dewan Rakyat [Ruangan 462]**

**URUSAN MESYUARAT [Ruangan 463]**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN  
[Ruangan 464]**

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbekalan, 1979 [Ruangan 490]**

MALAYSIA

**PARLIMEN KELIMA—DEWAN NEGARA**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG PERTAMA**

**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI OMAR YOKE-LIN ONG, P.M.N., S.P.M.S., D.P.M.S. (Dilantik).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATO' HAJI MOHAMED BIN NASIR, S.P.M.K., J.M.N., J.P. (Kelantan).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, PENGIRAN OTHMAN BIN PENGIRAN HAJI RAUF (Sabah).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK S.O.K. UBAIDULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
- „ Jeneral TAN SRI HAJI ABDUL HAMID BIN BIDIN, P.S.M., S.P.M.K., D.I.M.P., J.M.N., P.M.P., P.P.T., P.J.K. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSAIN, P.S.M., D.S.W., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).
- „ TUAN ABDULLAH BIN SALLEH (Perlis).
- „ TUAN V. V. ABOO, J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR TITINGAN BIN DAMSANI, S.P.D.K., P.G.D.K., A.D.K., A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N., S.M.J. (Johor).
- „ DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., K.M.N., P.J.K., P.P.T., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ DATUK CHOO CHING HWA, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K., P.P.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ DATUK CHUA SONG LIM, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., P.I.S., J.P. (Johor).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P., P.K.T. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI FADZIL BIN AHMAD (Kedah).
- „ PUAN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI SALIM, A.M.N., P.I.S. (Dilantik).
- „ TUAN T. S. GABRIEL (Dilantik).
- „ DATUK SERI HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, S.P.M.P., D.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN IBRAHIM BIN ABDULLAH, A.M.N., A.M.P., P.J.K., J.P. (Perak).
- „ DATO' HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, D.P.M.S., J.S.M., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN ISMAIL BIN HASHIM, A.M.N., P.B.M. (Melaka).

Yang Berhormat TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).

- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG, P.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).
- „ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).
- „ TUAN HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, A.M.N., J.P., S.D.K. (Dilantik).
- „ TAN SRI LEE BOON CHIM, P.S.M., S.M.S. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATUK LEE LOY SENG, P.S.M., D.P.M.P., J.P. (Perak).
- „ TUAN M. MAHALINGAM (Dilantik).
- „ DATIN HAJAH MAHIMON BINTI HAJI HARUN, S.M.P., A.M.N., J.P. (Pahang).
- „ TUAN HAJI MAHMOUD *alias* MAHMOUD SALIM BIN HAJI MOHAMAD, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Trengganu).
- „ TUAN MICHAEL WONG KUAN LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAAKUB, P.M.K. (Kelantan).
- „ TAN SRI HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., S.P.C.M., P.N.B.S., S.P.D.K. (Dilantik).
- „ DATUK MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI NORDIN BIN PESAH, A.M.N., J.P., P.J.K. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ DATO' HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M. (Dilantik).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK V. PONNUSAMY PILLAI, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ RAJA DATUK NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).
- „ PUAN HAJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSAIN, A.M.N., P.K.T. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.M., P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., C.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN TING MING HIA *alias* TING MING HOI (Sarawak).
- „ PUAN HAJAH TOM SAODAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).
- „ DATUK DR WEE KHOON HOCK, D.P.M.K., A.K., Datuk Kaya Pati (Dilantik).
- „ TUAN WONG KIE NAI (Dilantik).
- „ TUAN YAP PENG *alias* YAP PIAN TAU (Selangor).
- „ TAN SRI DATUK YEH PAO TZU, P.S.M., P.G.D.K., A.M.N. (Sabah).
- „ PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

## DEWAN NEGARA

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Pemangku Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P.B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof

Kalsom binti Ghazali.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

## MALAYSIA

## DEWAN NEGARA

---

**Khamis, 14hb Disember, 1978**

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

**DOA**

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

**MENGANGKAT SUMPAH**

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah seperti yang disebutkan dalam Perlembagaan:

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar.

**PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA****MENGALU-ALUKAN AHLI BARU**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ucapkan selamat datang dan tahniah kepada Yang Berhormat Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar yang baru mengangkat Sumpah sebentar tadi. Saya berharap semoga beliau akan memberi sumbangan yang berguna dan berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya.

**TITAH JAWAPAN D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG KEPADA UCAPAN TAHNIAH**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima surat daripada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya bacakan surat ini sekarang.

**"QUALU HUL-HAK**

Warkah al-ikhlas watah fatul ajnas ia itu daripada Beta Tuanku Yahya Petra Ibni Al-marhum Sultan Ibrahim, Yang di-Pertuan Agong, Malaysia.

Mudah-mudahan barang diwasalkan oleh Tuhan rabbul 'alamin ke Majlis Yang Berhormat Tan Sri Datuk Haji Omar Yoke-Lin Ong, P.M.N., S.P.M.S. Yang di-Pertua Dewan Negara Malaysia, yang ada beristirahat al-khira pada masa ini di Bandaraya Kuala Lumpur, dengan beberapa selamat dan kesejahteraan.

Wabakdah ehwal Beta memaklumkan kepada Tan Sri bahawa surat Tan Sri bertarikh 27hb Oktober, 1978 kerana menyampaikan Ucapan Terima kasih Majlis Dewan Negara Malaysia kerana Titah Ucapan Beta pada masa membuka Penggal Pertama Parlimen Yang Kelima yang lalu itu telah Beta terima dengan selamatnya, Beta adalah mengucapkan berbilang-banyak terima kasih juga. Beta meminta kelapangan Tan Sri apalah kiranya Tan Sri menyampaikan terima kasih Beta kepada sekalian Ahli-ahli Majlis Dewan Negara Malaysia kerana membuat ketetapan tersebut dan juga di atas perasaan yang tulus ikhlas yang telah ditunjukkan kepada Beta itu akan Beta kandungan di dalam ingatan Beta selama-lamanya.

Sekianlah sahaja Beta maklumkan serta diiringi dengan salam jua adanya.

*Tandatangan:*  
TUANKU YAHYA PETRA

Termaktub di Istana Negara,  
Kuala Lumpur.  
Pada 31hb Oktober, 1978."

**PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima dua perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta

Dewan Negara mempersetujukan Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan tersebut.

Saya jemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

*(Setiausaha membacakan Perutusan)*

“Bangunan Parlimen,  
Kuala Lumpur.  
6hb Disember, 1978.

Perutusan daripada Dewan Rakyat  
kepada Dewan Negara

Tuan Yang di-Pertua,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1979.

*Tandatangan:*

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT.”

“Bangunan Parlimen,  
Kuala Lumpur.  
8hb Disember, 1978.

Perutusan daripada Dewan Rakyat  
kepada Dewan Negara

Tuan Yang di-Pertua,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

Rang Undang-undang Perlembagaan  
(Pindaan).

*Tandatangan:*

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT.”

## URUSAN MESYUARAT

**Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir):** Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya Rang Undang-

undang yang tersebut di dalam perutusan-perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di mesyuarat ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

## JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

### PENTADBIRAN HAL EHWAL UGAMA ISLAM

**1. Tuan Ismail bin Sheik Ibrahim** minta Perdana Menteri menyatakan:

(a) sejauh manakah usaha-usaha yang dilakukan bagi menyelaraskan pentadbiran ini hal ehwal Ugama Islam di negara ini, terutama sekali di dalam masalah mengeluarkan Fatwa memandangkan pada masa ini di sana sini baik pun di dalam seminar-seminar, pertubuhan-pertubuhan politik dan dari badan-badan kebajikan dikemukakan masalah Pentadbiran Hal Ehwal Ugama di negeri-negeri tidak selaras ataupun tidak sama di antara negeri ini dengan negeri lain baik pun di dalam perkara mengeluarkan Fatwa-fatwa dan sebagainya.

(b) sejauh manakah tindakan Kerajaan dapat menyekat perkara ini sekiranya dianggap dakwahnya itu membawakan umat Islam di negeri ini membencikan kepada amalan di dunia dan semata-mata menuju ke akhirat sahaja memandangkan bahawa ramai pendakwah-pendakwah merata tempat dengan menaburkan ajaran Ugama yang sebenarnya dan adakala pula berlawanan adat resam orang Melayu.

**Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir):** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan (a), saya ingin memaklumkan bahawa usaha-usaha bagi menyelaraskan pentadbiran hal ehwal Ugama Islam di negara ini telah dan sedang dijalankan oleh Bahagian Ugama Jabatan Perdana Menteri dengan berbagai cara, terutama sekali dengan mengadakan persidangan Ketua-ketua Jabatan Ugama Islam Malaysia tiap-tiap tiga bulan sekali. Tujuan persidangan-persidangan itu ialah bagi membincangkan perkara-perkara berkaitan dengan pentadbiran hal ehwal Ugama Islam untuk

mencapai penyelarasan dan kerjasama dalam perkara-perkara itu di antara Majlis-majlis dan Jabatan-jabatan Ugama Islam Negeri-negeri. Di antara perkara-perkara yang diberi tumpuan pada masa ini ialah:

- (a) soal menyelaraskan Enakmen-enakmen mengenai pentadbiran Hukum Syarak yang dipakai di Negeri-negeri;
- (b) soal menyelaraskan perkara-perkara mengenai kutipan dan pembayaran zakat fitrah;
- (c) soal menyelaraskan sistem pelajaran Ugama Islam.

Mengenai masalah menyelaraskan Fatwa pula, sebuah Jawatankuasa di peringkat kebangsaan telah dilantik oleh Majlis Raja-raja dengan tujuan mencapai penyelarasan di antara Negeri-negeri dalam perkara mengeluarkan Fatwa. Jawatankuasa ini adalah terdiri daripada wakil-wakil dari semua Negeri.

Bagi menjawab soalan (b), tindakan yang diambil bagi menyekat atau menentang kegiatan dakwah atau ajaran-ajaran yang menyeleweng dari ajaran Islam yang sebenarnya bolehlah dibahagi kepada dua jenis. Pertama ialah menjalankan usaha-usaha untuk menyebarkan kepada orang ramai ajaran Islam yang sebenarnya. Usaha-usaha ini dijalankan melalui mata pelajaran di sekolah-sekolah dan di pusat-pusat pengajian tinggi, melalui alat-alat penyebaran am seperti radio dan talivisyen, melalui khutbah, ceramah dan syarahan, dan melalui bahan-bahan bacaan.

Institusi Dakwah dan Latihan Islam memainkan peranan yang penting dalam usaha ini. Badan ini ialah sebuah badan di bawah kelolaan Bahagian Ugama, Jabatan Perdana Menteri yang telah ditubuhkan untuk menjalankan kegiatan-kegiatan ke arah menyampaikan kepada orang ramai ajaran Islam yang sebenarnya. Antara kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh badan ini ialah:

- (a) mengadakan kursus dan latihan dakwah serta bimbingan ugama;
- (b) mengadakan pengajian ugama, khidmat masyarakat dan khidmat belia;
- (c) menjalankan dakwah umum di merata tempat;
- (d) mengadakan kursus pelajaran bahasa Arab; dan
- (e) mengeluarkan penerbitan-penerbitan bercetak.

Badan ini juga sedang berusaha untuk menyelaraskan kegiatan badan-badan dakwah yang lain.

Usaha kedua ialah mengambil tindakan pendakwaan terhadap orang-orang yang menyampaikan ajaran palsu atau ajaran-ajaran yang menyeleweng daripada ajaran Islam yang sebenarnya. Tindakan ini diambil di bawah Enakmen-enakmen Negeri mengenai pentadbiran Hukum Syarak, yang masing-masing mengandungi peruntukan yang menjadikan kegiatan-kegiatan seperti itu satu kesalahan.

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Tuan Yang di-Pertua, hal ehwal ugama Islam yang kita sama-sama tahu ini adalah di tangan Raja-raja Melayu tiap-tiap negeri. Soalan saya, adakah atau tidak Raja-raja Melayu di seluruh Malaysia ini bersetuju menyelaraskan pentadbiran hal ehwal ugama di negeri-negeri, semua Raja-raja di dalam mesyuaratnya bersetuju mengadakan. Jikalau bersetuju, apakah sebabnya baru-baru ini saya baca dalam satu akhbar bahawa satu daripada negeri di Malaysia ini tidak mahu campur berkenaan dengan perkara yang baru-baru ini kita adakan "Bulan Dakwah", saya hendak bertanya itu jikalau bersetuju. Kalau tidak, memanglah Raja-raja Melayu ada kuasanya di dalam tiap-tiap negeri ini untuk mengadakan cara-caranya sendiri.

**Dato' Haji Mohamed bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, masalah ini terpulanglah kepada Raja-raja negeri masing-masing membuat satu keputusan berkenaan dengan ugama. Mungkin barangkali berlaku satu hal yang tidak sesuai pada negeri itu, Raja-raja itu berhak memandang perkara itu tidak sesuai bagi negerinya dan tidak bersetuju dengan apa yang dilakukan.

**Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kalau Bahagian Ugama Islam ada yang menyeleweng maka Kerajaan bersetuju menyekat, tetapi bagaimanakah dengan kemasukan ajaran-ajaran yang lain itu bertambah menyeleweng, apakah tindakan Kerajaan pada masa ini?

**Dato' Haji Mohamed bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya telah maklumkan tadi ada dua cara untuk memimpin orang-orang yang menyeleweng

mengajar ilmu ugama ini. Pertama, dengan kita memberi dakwah. Kedua, kita laksanakan undang-undang dan sebagainya. Soal samada menyeleweng atau tidak menyeleweng ini senang, sebab kita sebagai orang Islam ada petunjuk (guidance), iaitu Al-Quran. Di dalam Quran ada mengatakan: Fain tana zak-tum fi-sha-in farudhu-hu llah hi-wa Rasul ain-kum-tum tu-minu-na billahiwal-yau-min akhir. Ertinya, sekiranya ada berlainan pendapat dalam soal-soal ugama di antara kamu, kembalilah kepada Quran. Cari hal itu dalam Quran dan Hadis sekiranya kamu percaya kepada Allah. Jadi, masalah menyeleweng ini senang sahaja bagi umat Islam.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri telah menyatakan bahawa satu usaha telah dilakukan kerana menyelaraskan pentadbiran hal ehwal Ugama Islam. Kita sedia maklum bahawa dua buah negeri tidak menjadi ahli, iaitu pihak Pahang dan Kedah. Bagaimana kedudukan bila mana hendak menguatkuasakan perkara-perkara yang ada kaitan dengan orang Islam dalam dua negeri yang tersebut seperti fitrah dan juga hal lain-lan wal hal mereka ini bukan menjadi ahli kita.

**Dato' Haji Mohamed bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya maklumkan tadi kuasa ugama adalah di tangan Raja-raja dan kita tahu selama ini dua negeri yang tidak masuk dalam Majlis Ugama Islam Pusat. Sekiranya berlaku sesuatu perkara yang tidak disetujui oleh dua negeri yang tidak termasuk dalam Majlis ini, itu terpulanglah kepada negeri-negeri itu. Walau bagaimanapun, sehingga hari ini kita tidak dapati sesuatu perkara yang bercanggah, kalau adapun hanya perkara-perkara yang sedikit sahaja.

**Dato' Haji Ibrahim bin Haji Yaacob:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Semasa saya di negeri Selangor dahulu, siapa sahaja hendak memberi syarahan-syarahan di masjid-masjid di dalam negeri Selangor mestilah mendapat tauliah daripada Pejabat Ugama, tetapi di Wilayah Persekutuan ini, saya perhatikan orang Pakistan, Indian Muslim dan lain-lainnya bersyarah, adakah mengikut cara negeri Selangor itu di Wilayah Persekutuan ini?

**Dato' Haji Mohamed bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan ugama di Wilayah Persekutuan ini, kita ada jawatankuasa yang menjaga soal dakwah dan sebagainya. Sekiranya berlaku sesuatu, kita akan kaji dan mengambil tindakan di atas perkara itu.

**Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya ada mempunyai dua soalan tambahan. Yang pertama, mengenai dengan fatwa-fatwa yang membawa kepada perpecahan di kampung-kampung sepertimana fatwa-fatwa daripada guru-guru dan imam-imam dan sebagainya yang menjejaskan perpaduan di kampung-kampung seperti memboikot Sembahyang Jenazah dan memboikot Sembahyang Jumaat dan lain-lain. Adakah pihak Jabatan Ugama Islam ini mempunyai apa-apa rancangan ataupun tindakan bagi mengatasi masalah ini?

Yang kedua, sepertimana yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi bahawa kita ada mempunyai guidance. Sekarang ini guidance inilah yang membawa berbagai-bagai terjemahan, berbagai-bagai fatwa yang berdasarkan kepada guidance yang kita sebutkan Quran tadi. Ada mereka yang mengeluarkan fatwa-fatwa yang berdasarkan Quran ini mengikut selera dan kepentingan masing-masing. Adakah satu penyelidikan dibuat supaya kita mempunyai satu guidance dan satu fatwa sahaja di dalam semua masalah?

**Dato' Haji Mohamed bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, pada menjawab pertanyaan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, suka saya menyatakan fatwa ertinya suatu decision yang dibuat oleh para ulamak dan fatwa ini bagi Kerajaan Pusat, kita ada jawatankuasa khas yang boleh menentukan suatu fatwa dalam Ugama Islam. Saya fikir apa yang berlaku di kampung-kampung, orang mencipta atau membawa fahaman ugama yang berlainan itu bukan daripada fatwa yang sah, itu adalah fikiran daripada orang-orang itu sendiri yang menerangkan sesuatu hal dalam ugama. Soal rancangan memang ada, kita ada Jawatankuasa Menyelidik, Jawatankuasa Mengkaji Hal Ehwal Ugama dan Jawatankuasa Fatwa. Sekiranya kita dapati ada buku-buku ataupun publication atau risalah yang berlainan dengan ugama, seperti baru-baru ini satu buku yang ditulis oleh Robert Roberts yang saya dapati dari sebuah kedai

dan kita akan kaji buku itu kerana buku itu menghinakan Nabi Muhammad s.a.w. Usaha seumpama inilah yang sedang dijalankan oleh bahagian Ugama Pusat ini. Saya rasa kita tidak menjadi masalah kerana usaha-usaha sedang dijalankan untuk mengawasi segala ajaran yang salah itu.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya bertanya, yang pertama, adakah Kementerian ini puas hati dengan dakwah yang kita jalankan sekarang?

Yang kedua, kenapa Kementerian ini tidak dapat membetulkan ataupun menyelesaikan pendapat antara Syed dan Sheikh kerana hal ini ada kaitan dengan agama Islam. Saya sebut Sheikh, Sheikh tidak bersetuju dengan dakwah yang dijalankan dan Syed menjalankan dakwah yang ada pada hari ini. Adakah perkara ini dapat dibetulkan oleh Kementerian yang berkenaan supaya dapat memberi satu ikutan kepada umat Islam dalam negeri ini.

**Dato' Haji Mohamed bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, masalah Sheikh dan Syed ini adalah satu masalah bangsa yang saya rasa dari segi Islam tidak timbul apa-apa masalah itu. Islam ialah agama yang diturunkan oleh Tuhan kepada Nabi dan kepada manusia. Saya mohon maaf, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu keturunan Sheikh dan Syed ini, tetapi walau bagaimanapun bagi kita di negara Malaysia ini, kalau Sheikh dan Syed itu adalah keturunan daripada keluarga Nabi Muhammad s.a.w. Saya tidak tahu sejauh mana hal itu benar atau tidak. Walau bagaimanapun, soal pendakwah memang pihak Jabatan Hal Ehwal Ugama Islam di Jabatan Perdana Menteri ini tidak puas hati kerana, terdapat setengah daripada pendakwah itu ialah orang-orang yang baru belajar agama dan cuba memberi dakwah. Jadi, orang-orang yang seumpama ini kita tidak puas hati dengan dakwah mereka, sebab mereka tidak secara mendalam mengetahui hal agama, mereka tidak tahu falsafah Quran itu sendiri, mereka tidak tahu Hadis dan sebagainya, mereka belajar 3 - 5 hari mulai bersyarah hal agama. Maka orang-orang yang seumpama ini kita tidak puas hati.

Bagi orang-orang yang mempunyai ilmu pengetahuan agama yang cukup, mereka ini menerangkan agama dalam dakwah itu baik

dan sesuai dengan Quran dan Hadis. Inilah sebabnya dalam Bahagian Ugama di Jabatan Perdana Menteri ini kita ada bahagian-bahagian (divisions) khusus menentukan masalah ini.

**Datuk Seri Hussein bin Mohd. Noordin:** Tuan Yang di-Pertua, selepas mendengar penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan yang mengatakan bahawa agama tiap-tiap negeri adalah di bawah kuasa Raja-raja tiap-tiap negeri, soal dakwah yang disebutkan dalam Dewan ini disebabkan setengah-setengah negeri tidak menjalankan hari yang ditetapkan oleh jawatankuasa yang bermesyuarat di Kuala Trengganu, iaitu tarikh yang telah ditetapkan. Di sini oleh sebab Raja-raja Melayu ialah Ketua Ugama tiap-tiap negeri, adakah pihak Jabatan ini atau Yang Berhormat Tan Sri Syed Nasir sendiri mengadap tiap-tiap Raja dalam negeri itu memperkenankan bahawasanya hari yang telah ditetapkan itu adakah di perkenankan oleh Raja-raja Melayu, sungguhpun wakilnya ada di dalam mesyuarat itu.

Kedua, berkenaan dengan fatwa. Sungguhpun dalam Jawatankuasa Fatwa ini kita ada diwakili oleh Mufti-mufti tiap-tiap negeri, kalau kita telah ambil persetujuan dalam Jawatankuasa itu satu fatwa akan dikeluarkan, adakah fatwa ini dapat dijalankan di tiap-tiap negeri jikalau Raja-raja Melayu tidak berkenan?

**Dato' Haji Mohamed bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, mungkin Tan Sri Syed Nasir tidak menemui Raja-raja Melayu di negara Malaysia ini waktu hendak dijalankan atau hendak diisytiharkan Bulan Dakwah, tetapi Tan Sri Syed Nasir telah memberitahu atau maklum kepada jawatankuasa yang mengandungi wakil-wakil daripada negeri-negeri itu tentang hendak diadakan Bulan Dakwah ini telah dipersetujui oleh wakil-wakil daripada negeri-negeri di seluruh Malaysia. Walaupun negeri Kedah dan Pahang tidak menjadi ahli, tetapi walau bagaimanapun mereka juga menghantar wakil untuk membuat keputusan mengadakan Bulan Dakwah. Jadi, soalnya Tan Sri Syed Nasir menemui Raja-raja atau tidak, itu saya tidak ketahui hal ini.

Berhubung dengan fatwa sebagaimana yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memang sesuatu perkara sudah dibincang dengan halus berdasar

kepada Quran dan Hadis ijmak ulamak, qias dan sebagainya, keputusan ini dibuat kemudian diberi tahu kepada Majlis di negeri masing-masing. Tentang implimentasi atau mengamalkan menjalankan fatwa itu terpujanglah kepada negeri masing-masing. Kerajaan Pusat tidak dapat memaksa untuk menjalankan fatwa itu.

### PIL PERANCANG KELUARGA "RAMADAN"

**2. Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (i) adakah Kementeriannya sedar bahawa menurut berita "BERNAMA" baharu-baharu ini pihak badan perancang keluarga di Sumatra Barat telah membahagi-bahagikan dengan percuma sebanyak 2.2 juta pil "Ramadan" kepada ibu-ibu di sana untuk membantu mereka menunaikan ibadat puasa bulan Ramadan tanpa gangguan haid dan tanpa mencacatkan kesihatan. Pil-pil yang tersebut juga diberi kepada wanita-wanita bakal menunaikan fardhu haji membantu mereka menunaikan ibadat haji dengan sempurna tanpa gangguan haid; dan
- (ii) apakah pendapat Kementerian tentang penggunaan pil-pil Ramadan itu di Malaysia, dan adakah pihak Kementerian bercadang akan memberi pil-pil seperti itu kepada bakal-bakal haji wanita Malaysia supaya dapat mereka menunaikan ibadat haji dengan sempurna tanpa gangguan haid.

**Dato' Haji Mohamed bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua,

- (i) Kerajaan sedar akan berita tersebut tetapi tidaklah pula dapat mengesahkan sama ada benar bahawa ibu-ibu di Sumatra Barat telah diberikan pil-pil Ramadan untuk membantu mereka menunaikan ibadat puasa bulan Ramadan tanpa gangguan haid dan juga diberi kepada bakal haji wanita membolehkan mereka menunaikan ibadat haji dengan sempurna tanpa gangguan.
- (ii) Buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk membahagikan pil-pil perancang keluarga kepada wanita-wanita yang bakal menunaikan fardhu

Haji kecuali jika diminta oleh mereka. Perkara ini sebenarnya adalah masalah dan amalan individu. Oleh itu, terpujanglah kepada kebijaksanaan masing-masing untuk menggunakan segala kemudahan yang ada supaya mereka dapat menunaikan ibadat puasa dan haji dengan sempurna tanpa gangguan. Pada pendapat saya masalah seperti ini patut juga dirujuk pada pandangan syarak.

**Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas jawapan Yang Berhormat Menteri, tetapi saya harap mendapat penjelasan lagi, sebagaimana yang dikatakan tadi masalah ini adalah masalah perseorangan atau individu. Jadi kalau masing-masing orang itu sendiri hendak memakai bolehlah, tetapi apa yang saya hendak tanya perkara ini telah dianjurkan oleh Kerajaan Indonesia, tegasnya di Sumatra Barat terhadap rakyat-rakyatnya. Setahu saya di Malaysia ini Kerajaan tidak menganjurkan itu, cuma kalau sekiranya orang itu sendiri hendak mencari pil itu, bolehlah.

Saya hendak bertanya pada pihak Menteri, adakah Kerajaan hendak menganjurkan ataupun tidak, dengan sebab pil-pil ini adalah bergantung dengan masalah agama, kerana sebagaimana yang kita tahu sekarang ini menunaikan fardhu Haji dengan kapal terbang. Jadi rombongan yang pertama yang akan balik itu kadang-kadangnya selepas menyempurnakan tawaf sahaja balik. Jadi apa kata perempuan-perempuan kita yang kedatangan bulan, dia tidak dapat tawaf, dia kena tunggu, tetapi ada yang tidak tahu hukum, dia terus balik menyebabkan haji dia itu sebagaimana yang kita tahu haji mardud, haji yang tidak sah. Jadi kalau kita tahu begitu beri peluang kepada dia, beri peluang kepada bakal-bakal haji wanita, kalau sekiranya dia kedatangan bulan bolehlah sama ada hendak tunggu atau dia makan pil itu, itu maksud saya. Jadi anjuran itu mesti datang daripada Kerajaan kerana perkara ini baik, kita tidak boleh memaksa dia, tetapi kita mesti offer kepada wanita-wanita itu satu cara yang baik. Adakah Kementerian akan buat atau tidak?

**Dato' Haji Mohamed bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, masalah urusan Haji ini adalah diuruskan oleh Lembaga Urusan dan

Tabung Haji untuk memberi segala kesenangan kepada orang-orang yang menunaikan fardhu Haji dan bakal-bakal Haji. Sebenarnya, pihak Lembaga Urusan dan Tabung Haji ini belumlah tahu dengan tepatnya bagaimanakah pil-pil itu dijalankan atau digunakan oleh Kerajaan Indonesia dengan sempurna dan memberi kesan yang baik. Walau bagaimanapun, orang-orang yang hendak pergi Haji haruslah belajar hukum-hukum Haji. Kalau sebenarnya ada beberapa wanita yang tidak boleh tawaf, kerana tawaf itu macam sembahyang, pihak Tabung Haji boleh mengumpulkan orang ini supaya balik kemudian daripada schedule yang ditetapkan itu. Ini boleh dijalankan oleh pihak Tabung Haji. Tetapi kita tidak dapat berita yang sah dalam perkara ini.

**Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Kerajaan bercadang di Malaysia ini supaya pil-pil "Ramadan" ini jangan diamalkan oleh wanita-wanita di Malaysia, begitu juga dengan keadaan pil-pil perancang keluarga!

**Dato' Haji Mohamed bin Nasir:** Soal ini, masih di dalam kajian pihak bahagian agama.

**Puan Hajjah Fatimah binti Haji Salim:** Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini saya hendak bertanya sedikit kepada Menteri yang berkenaan, sebagaimana yang dikatakan tadi sekiranya wanita-wanita yang naik haji itu tidak tawaf kerana haid tidak sah hajinya. Saya pun berasa dukacita kalau sekiranya benar. Bagaimana pihak Kementerian menentukan perkara ini kalau sekiranya wanita itu haid di sana. Masa dahulu tiada pil ini; adakah sah atau tidak hajinya? Adakah diatur cara hukum tawaf dan lain-lain? Jadi sebagaimana kata penyoal tadi, beliau ada musykil sedikit kalau tiada ubat itu menjadi gangguan kepada jemaah, padahal masa dahulu haji tiada pil itu. Ini saya hendak bertanya kepada Menteri itu.

**Dato' Haji Mohamed bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya dalam perkara haji ini tawaf itu ia macam sembahyang, kena ada wuduk dan sebagainya. Oleh sebab itulah perlu wanita mempelajari hukum-hukum haji sebelum mereka pergi haji. Saya tidak tahulah apa yang berlaku di masa yang sudah-sudah soal ini terpulang kepada kewajipan masing-masing. Dalam masalah ini

saya akan ambil perhatian. Kita akan buat satu langkah atau satu peraturan orang-orang yang pergi haji daripada kalangan wanita, kita minta mereka memberi keterangan kepada kita kalau mereka tidak dapat menunaikan tawaf sesudah mereka mengerjakan haji di Arafah. Oleh yang demikian, dapatlah Lembaga Urusan dan Tabung Haji menguruskan hal-hal ini sebab ini perkara wajib dan menjadi dasar Lembaga Urusan dan Tabung Haji menyelesaikan masalah itu.

**Datuk Seri Hussein bin Mohd. Noordin:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, soalan saya kepada Menteri yang berkenaan dengan hal-hal Tabung Haji ini ialah mungkin ada ayat-ayat dalam Quran yang boleh menahankan haid masa haji. Jikalau ada patutlah rahsia ini diberi kepada Tabung Haji supaya diberikan kepada bakal-bakal haji wanita yang boleh diamalkan. Saya kata ada. Jikalau ada, apa salahnya ayat-ayat ini diberi kepada bakal haji wanita?

**Dato' Haji Mohamed bin Nasir:** Memang ada ayat-ayat Quran mengenai haid dan sebagainya itu. Tetapi itulah soalnya kalau kita beritahu sekalian, setengah daripada wanita itu dia hendak balik juga, dia sembunyi hal diri dia kerana dia tidak tahu hukumnya. Oleh sebab itulah saya katakan tadi, Tuan Yang di-Pertua, wanita-wanita yang hendak pergi haji ini perlulah terlebih dahulu mempelajari agama Islam itu dengan cara-cara menunaikan fardhu haji. Kalau berlaku masalah ramai wanita-wanita yang tidak dapat tawaf, ini terpulang kepada urusan Tabung Haji mengadakan plane lain untuk orang ini kembali ke tanah air.

**Puan Dasimah Dasir:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Jawapan Menteri ialah wanita yang datang haid itu beritahu kepada Tabung Haji. Bagaimanakah begitu banyak wanita-wanita yang pergi haji itu kita hendak bertanya mereka yang datang haid itu? Tetapi saya percaya wanita yang akan berangkat ke tanah suci mestilah mempelajari rukun haji. Tidak payah kita menyoal banyak-banyak, Tuan Yang di-Pertua.

## TABUNG YAYASAN PEMBANGUNAN EKONOMI ISLAM

**3. Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim:** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (i) jumlah derma Tabung Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam telah terkumpul sehingga sekarang semenjak tahun 1972;
- (ii) apakah projek-projek yang telah dan sedang dilakukan dari hasil kutipan derma itu; dan
- (iii) tidakkah ada cadangan dari pihak Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam hendak membuka Yayasan Ekonomi itu menjadi sebagai Tabung sebuah Lembaga yang boleh ditanam modal sebagai saham.

**Dato' Haji Mohamed bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua,

- (i) Bagi menjawab soalan, Ahli Yang Berhormat, jumlah derma yang telah diterima oleh Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YPEIM) semenjak tahun 1972 sehingga sekarang ialah sebanyak \$19,622.23
- (ii) Projek ekonomi yang sedang dilaksanakan ialah perladangan kelapa sawit secara usahasama dengan Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah Yayasan Islam Trengganu dan Yayasan Trengganu seluas 10,000 ekar di Ulu Cukai, Trengganu. Walau bagaimanapun, Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia sedang mengkaji projek-projek ekonomi lain bagi menjamin keutuhan kedudukan kewangan Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia dengan cara Pelbagaian tanaman modal. Projek Kebajikan yang sedang dilaksanakan Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia ialah pemberian biasiswa perubatan bernilai \$2,600/- setahun bagi pengajian di universiti-universiti tempatan sebagai permulaan projek-projek Kebajikan lain akan dilaksanakan mengikut keupayaan kewangan Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia.
- (iii) Soalan ini kurang jelas. Jika maksud soalan ini ialah untuk bertanya sama ada Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia bercadang untuk diuruskan

sebagai suatu syarikat di mana ianya mengeluarkan saham untuk dijual kepada umat-umat Islam dan dengan demikian umat-umat Islam tidak lagi memberi derma kepada Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia jawapannya ialah tidak oleh kerana ini tidak boleh dilakukan mengikut undang-undang memandangkan bahawa Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia adalah suatu badan amanah yang ditubuhkan di bawah Ordinan Pemegang Amanah (Perbadanan), 1952 dan bukan ditubuhkan sebagai sebuah syarikat di bawah Akta Syarikat 1965.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Adakah Kerajaan melaburkan kepada Tabung Yayasan ini sebagai wang tambahan dan berapa banyak?

**Dato' Haji Mohamed bin Nasir:** Saya tidak dapat maklumatnya.

**Tuan Haji Mahmoud Salim bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jawapan Yang Berhormat Menteri tadi nampaknya kutipan itu terlampau sedikit, tidak sebagaimana matlamat yang dibuat dahulu. Dahulu tujuannya hendak mengutip sekurang-kurangnya \$10 juta daripada umat Islam di seluruh Malaysia menjadikan Yayasan Tabung Ekonomi Islam. Kemudian timbullah pula desas-desus yang saya tahu, sebab itu saya hendak tumpang bertanya daripada pihak Kementerian, betul atau tidak iaitu kutipan tiap-tiap tahun itu ada setengah-setengah negeri tidak dijalankan perkara ini, ada setengah-setengah negeri menjalankan terus dari semenjak dilancarkan Yayasan Tabung Ekonomi Islam. Selain daripada itu juga apa yang saya tahu rancangan ini tidak ada bingkangan daripada Duli Yang Maha Mulia Raja-raja di dalam negeri masing-masing. Jadi, kalau sekiranya ada rancangan ini terbantut atau tidak dijalankan maka apakah sebabnya. Kenapa negeri itu tidak menjalankan kutipan sebagaimana yang ditetapkan pada masa dilancarkan dahulu dan sehingga bila perkara ini akan sampai kepada matlamatnya hendak mengutip \$10 juta itu?

**Dato' Haji Mohamed bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa hal ini adalah masalah negeri masing-masing. Ada setengah negeri telah mengambil inisiatif yang begitu

baik sekali dan dapat kutipan yang banyak. Mungkin barangkali setengah negeri tidak begitu memandang berat masalah ini dan setengah negeri memandang berat, itu sebabnya kutipan tidak dapat dikutip sebagaimana yang dijangkakan.

## RANCANGAN PEMBANGUNAN WILAYAH

**4. Tuan Ibrahim bin Abdullah** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan kemajuan-kemajuan yang telah dibuat di dalam Rancangan Pembangunan Wilayah di kawasan:

- (a) Pahang Tenggara;
- (b) Johor Tenggara;
- (c) Trengganu Tengah.

dan adakah Kerajaan akan menimbang mengadakan suatu rancangan pembangunan untuk kawasan Perak Tengah di Perak.

**Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tuan Sanusi bin Junid):** Jawapan kepada soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat melibatkan lebih kurang 35% keaktifan seluruh Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah dan akan mengambil masa yang panjang bagi saya untuk memberi jawapan sepenuhnya. Oleh itu, sekiranya Yang Berhormat ingin mendapat maklumat yang terperinci ianya bolehlah didapati apabila Laporan Tahunan Lembaga ini dibentangkan di Dewan tiap-tiap tahun ataupun dari ucapan mengenai Anggaran Belanjawan 1979 kelak. Walau bagaimanapun, pada keseluruhannya dapatlah dikatakan bahawa Rancangan Pembangunan Wilayah telah mencapai kemajuan yang memuaskan. Secara ringkasnya kemajuan rancangan-rancangan yang tersebut adalah seperti berikut:

- (a) Di Pahang Tenggara—seluas 281,000 ekar telah dimajukan untuk pertanian. Pihak Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA) sedang membangunkan 16 buah bandar baru. Selain dari itu 3 batang jalan utama sepanjang 200 batu juga sedang diusahakan dan dijangka siap menjelang pertengahan tahun 1979. DARA juga sedang mengusahakan rancangan-rancangan bekalan air dan letrik di kawasan bandar-bandar ini. Setakat ini sebanyak 10,500

pekerjaan selain dari peneroka FELDA telah dapat diwujudkan di Wilayah Pahang Tenggara. DARA juga telah menubuhkan 15 projek usahasama atau anak syarikat.

- (b) Di Johor Tenggara pula—seluas 145,628 ekar tanah telah dimajukan untuk pertanian. Tiga buah Bandar Baru sedang dilaksanakan dan KEJORA juga sedang berusaha untuk membekalkan air dan letrik ke bandar-bandar ini. Selain dari itu KEJORA juga sedang membina jalan sepanjang 185 batu semuanya. Setakat ini sebanyak 16,000 pekerjaan tetap dan sementara telah dapat diwujudkan. Ini tidak termasuk bilangan peneroka FELDA. KEJORA juga telah menubuhkan 11 buah anak syarikat.
- (c) KETENGAH—di Trengganu Tengah seluas 99,945 ekar tanah pertanian telah dimajukan setakat ini dan KETENGAH juga sedang membangunkan 5 buah bandar-bandar baru. Dari segi Pembangunan Infrastruktur, kerja-kerja pembinaan Lebuhraya Jerangau—Jabor dan beberapa Feeder Roads sedang berjalan dan telah mencapai kemajuan 45% dan dijangka siap menjelang akhir tahun 1979. Setakat ini sebanyak 13,000 pekerjaan tetap dan sementara tidak termasuk bilangan peneroka-peneroka telah diwujudkan. KETENGAH juga telah menubuhkan 4 anak syarikat.

Buat masa ini Kerajaan belum ada Rancangan untuk mengadakan satu program pembangunan seperti yang terdapat di Pahang Tenggara, Johor Tenggara dan Trengganu Tengah untuk Wilayah Perak Tengah.

**Tuan Ibrahim bin Abdullah:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya amat terkejut apabila Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebutkan setakat ini tidak ada rancangan Kerajaan untuk pembangunan kawasan Perak Tengah di Perak. Rancangan pembangunan di kawasan Perak Tengah khususnya di wilayah Kuala Kangsar daripada Padang Rengas sampai ke Karai atau Enggor ini telah dirancang dalam Rancangan Malaysia Kedua. Kalau tidak

salah ingatan saya telah mendapat restu daripada Penasihat Perancang Ekonomi Malaysia sendiri dan telah mendapat beberapa peruntukan yang tertentu untuk membuat rancangan-rancangan yang tetap. Mengapa Kementerian yang berkenaan baharu sekarang berani mengisytiharkan masalah ini langsung tidak disentuh, sedangkan ini sudah dibuat rancangan yang konkrit dalam Rancangan Malaysia Kedua dahulu lagi. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan perkara ini secara tegas ataupun bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan rancangan yang ketinggalan di Kuala Kangsar, Perak ini akan dapat dibuat dalam Rancangan Malaysia Ketiga?

**Tuan Sanusi bin Junid:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah memang sentiasa mengalu-alukan penyerahan tanah oleh Kerajaan-kerajaan Negeri kepada Kementerian untuk dibangunkan oleh salah satu daripada agensinya. Bagi pihak Kementerian ini, kita tidak akan teragak-agak melaksanakan program seandainya tanah-tanah boleh diperolehi. Bagi negeri Perak, Kementerian masih menghadapi sedikit sebanyak masalah untuk mendapatkan tanah walau untuk projek FELDA sekalipun. Jadi, kita berharap semoga Ahli-ahli Yang Berhormat akan mengadu kepada Kerajaan Negeri supaya lebih banyak tanah diserahkan kepada agensi-agensinya di bawah Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah untuk dibangunkan.

### FILEM TAMIL

**5. Tuan T. S. Gabriel** minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pada masa ini cuma sebuah filem Tamil sahaja yang ditayangkan dalam seminggu melalui TV Malaysia, jika ya, sama ada Kementerian yang berkenaan akan menimbang mengadakan rancangan tambahan seperti drama keluarga "empat sekawan" dalam bahasa Tamil, oleh kerana rancangan ini cuma disiarkan dalam bahasa China.

**Timbalan Menteri Penerangan (Dr Ling Liong Sik):** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini TV Malaysia menyiarkan pada hitung panjangnya 6 filem Tamil dan Hindi sebulan, berbanding dengan 6 filem China sebulan, 2 filem Melayu sebulan dan 2 filem Indonesia atau Arab yang di "dubbing"kan ke

Bahasa Malaysia sebulan. Lagipun buat masa ini, TV Malaysia masih mengalami kekurangan tenaga dan kemudahan-kemudahan teknik dan apabila keadaan ini bertambah baik kelak, TV Malaysia akan mengkaji kemungkinan menerbitkan rancangan-rancangan yang mengandungi unsur-unsur hiburan bagi kaum India atau lain-lain kaum di negara ini. Sebagai langkah permulaan, usaha menerbitkan rancangan Berita Bergambar dalam kedua-dua Bahasa China dan Tamil sedang pun dirancang dan dijangka akan dapat bermula dalam bulan Januari tahun depan.

### TV BERWARNA

**6. Datuk Haji Abu Bakar Titingan** bertanya kepada Menteri Penerangan bilakah TV berwarna akan dilancarkan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

**Dr Ling Liong Sik:** Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan TV Warna akan dilancarkan dengan rasminya di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak pada 28hb Disember, 1978.

### PAPANTANDA DALAM BAHASA MALAYSIA

**7. Puan Hajjah Fatimah binti Haji Salim** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan apakah tindakan yang telah diambil supaya gedung-gedung perniagaan dan pekedai-pekedai di Bandaraya Kuala Lumpur menggunakan Bahasa Malaysia sepenuhnya dalam tulisan-tulisan di papantanda-papantanda mereka.

**Menteri Tak Berpotfolio (Pengiran Othman bin Pengiran Haji Rauf):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini pada masa ini syarat menggunakan Bahasa Malaysia untuk iklan-iklan dan papan-papan tanda telahpun dilaksanakan secara urusan pentadbiran yang mensyaratkan supaya semua bentuk iklan dan papan tanda hendaklah menggunakan Bahasa Malaysia apabila permohonan untuk mengadakannya dibuat kepada Bandaraya, tetapi peraturan ini tidak

dipaksakan kepada iklan-iklan dan papan-papan tanda yang telah lama wujud. Walau bagaimanapun, untuk menjamin keseragaman atau persamaan dalam penggunaan Bahasa Kebangsaan untuk semua bentuk iklan dan papan tanda maka Kerajaan sedang menggubal satu Undang-undang baru yang dinamakan Undang-undang Kecil (Iklan) Kerajaan Tempatan (Wilayah Persekutuan) 1978 bagi menggantikan Undang-undang Kecil (Iklan) Perbandaran Kuala Lumpur 1954.

### SKIM PERUMAHAN DI ESTET-ESTET

**8. Tuan T. S. Gabriel** (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan samada Ajensi-ajensi Estate dan Tuanpunya-tuanpunya estet tidak menunjukkan galakan terhadap skim perumahan sendiri di Estet-estet dan sekiranya benar, apakah tindakan yang diambil bagi memperbaiki keadaan itu dan juga menyatakan bilangan yunit-yunit perumahan yang telah dilaksanakan dan kawasan-kawasan yang berkenaan.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan S. Samy Vellu):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan pada masa ini tiada peruntukan undang-undang khusus untuk mendesak pemilik-pemilik ladang melaksanakan Skim Perumahan Pekerja-pekerja bagi faedah pekerja-pekerja ladang.

Walaupun bagaimanapun, Kementerian saya dan Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat telah dan sedang berhubung dengan pemilik-pemilik ladang untuk menarik perhatian mereka betapa mustahaknya mengadakan skim perumahan pekerja-pekerja ladang.

Untuk melaksanakan skim perumahan ini, berbagai-bagai masalah harus juga dihadapi. Skim perumahan tersebut telahpun dilaksanakan iaitu:

Selangor	...	...	Ladang Tenamaran, Batang Berjantai	...	...	110 yunit
Kedah	...	...	Ladang Batu Pekaka, Kuala Ketil	...	...	232 yunit
Perak	...	...	Ladang Dovenby, Sg. Siput	...	...	108 yunit

*Skim dalam proses pelaksanaan ialah:*

Johor	...	...	Ladang Bukit Paloh	...	...	belum ditentukan
Negeri Sembilan	...	...	Ladang Sengkang, Port Dickson	...	...	belum ditentukan

Kementerian saya juga sedang berhubung dengan 7 lagi ladang seperti berikut iaitu:

4 di Perak;

1 di Negeri Sembilan;

1 di Kedah;

1 di Melaka; dan

20 di Selangor.

Pada tahun 1973, Perdana Menteri, Allahyarham Tun Abdul Razak, melantik sebuah Jawatankuasa Tenaga Kerja bagi mengkaji mengenai kemudahan-kemudahan bagi pekerja-pekerja ladang dan lombong. Tujuan Jawatankuasa ini ialah bagi menetapkan syarat-syarat tertentu menyelesaikan masalah berkenaan dengan memperbaiki lagi kemudahan-kemudahan untuk pekerja-pekerja ladang dan lombong, dan mengesyorkan penyelesaian-penyelesaian terhadapnya dengan menimbang dan membuat syor-syor mengenai skim pemilikan rumah dan melapurkan kepada Jawatankuasa Pembangunan Negara sewajarnya.

Jawatankuasa Tenaga Kerja ini dianggotai oleh ahli-ahli daripada berbagai persatuan-persatuan majikan dan pemilik-pemilik seperti Persatuan Pengeluar Hasil Bumi Malaysia dan Persatuan Pemilik-pemilik Ladang Malaysia berserta dengan berbagai agensi-agensi Kerajaan. Jawatankuasa Tenaga Kerja ini telah juga mengemukakan syor-syor mengenai kemudahan perumahan untuk pekerja-pekerja ladang sejajar dengan kehendak Kerajaan untuk memberikan keadaan hidup yang sempurna kepada pekerja-pekerja ladang. Seperti Yang Berhormat sedia maklum, oleh kerana ini hanya merupakan syor-syor sahaja, maka Kerajaan tiada berupaya menguatkuasakan ke atas pemilik-pemilik ladang.

## PASUKAN KESELAMATAN DI SEMPADAN MALAYSIA/THAI

**9. Tuan T. S. Gabriel** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah apa-apa rancangan untuk melancarkan gerakan atau operasi terus menerus oleh pasukan Keselamatan kita di Sempadan Malaysia/Thai dengan tujuan menghapuskan kegiatan-kegiatan komunis di mana pada masa sekarang kita telah melancarkan operasi beberapa kali dengan kerjasama Kerajaan Negeri Thai. Adakah Kerajaan kita dan Kerajaan Thai membuat persetujuan untuk melancarkan gerakan operasi hutan terus menerus supaya komunis-komunis tidak dapat bergerak dan menyusun semula dari masa ke semasa kegiatan mereka terutama sekali di kawasan-kawasan penting.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj):** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ada persetujuan bersama bagi kooperasi sempadan di antara negeri Thai dan Malaysia. Rancangan serta pelaksanaan gerakan bersama antara Thailand dan Malaysia bagi menghapuskan penganas-penganas komunis di sempadan telah, sedang dan akan dilancarkan tanpa sebarang keredaan. Walau bagaimanapun satu-satu gerakan itu dilancarkan apabila didapati sesuai dengan keadaan semasa, terutama apabila maklumat-maklumat mengenai gerak-geri musuh telah diketahui dan dianalisa dengan cukup teliti. Umpamanya di antara lima gerakan yang telah dijalankan, gerakan Selamat Sawaddee masih lagi diteruskan pada masa ini.

## HUBUNGAN CHINA DAN MALAYSIA

**10. Tuan Ismail bin Hashim** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sejauh manakah perhubungan antara negeri China dan Malaysia yang sekarang semakin erat akan dapat menyambungkan kestabilan politik dan kemakmuran di rantau ASEAN di antara Vietnam dan China pada masa sekarang.

**Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj):** Tuan Yang di-Pertua, dasar Malaysia adalah bersahabat dengan semua negara tanpa mengira sistem sosial dan politik mereka berasaskan perasaan hormat terhadap kemerdekaan, kedaulatan dan keutuhan wilayah kita, tidak campur tangan dalam hal ehwal dalam negeri kita

dan tidak terlibat dalam kegiatan subversion. Hubungan persahabatan Malaysia dengan China adalah berasaskan prinsip tersebut.

Malaysia juga mementingkan usaha-usaha ke arah kerjasama serantau dan dalam hal ini Malaysia bekerjasama rapat dengan ahli-ahli ASEAN yang lain untuk menjadikan ASEAN sebagai satu pertubuhan yang maju dan berkesan. Kita menghargai sokongan yang diberikan oleh semua negara terutama sekali negara-negara maju terhadap usaha-usaha kita meninggikan kemajuan ekonomi, sosial dan kebudayaan kita. Kita juga menghargai sokongan yang diberikan oleh China terhadap ASEAN. Di samping itu Malaysia juga berusaha giat dengan negara-negara ASEAN yang lain untuk menghasilkan konsep ZOPFAN dengan secepat mungkin. Kita berharap kita akan mendapat sokongan dari semua negara di rantau ini. Malaysia juga berharap sebarang pertikaian yang timbul di antara negara-negara di rantau ini akan dapat diselesaikan dengan cara aman.

**Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah:** Soalan tambahan dan yang saya harap dapat dijelaskan Yang Berhormat Menteri berkenaan. Baharu-baharu ini Timbalan Perdana Menteri China melawat Malaysia. Sebagaimana kebiasaannya lawatan-lawatan pembesar luar negeri biasanya diberi kehormatan atau melawat kepada Tugu Peringatan Negara. Tetapi pada kali ini ada perbezaan iaitu ditinggalkan Tugu Peringatan Negara hanya melawat kepada Makam Allahyarham Tun Abdul Razak.

Bolehkah saya mendapat penjelasan daripada Kementerian Luar Negeri, apakah sebabnya berlaku berlainan di antara lawatan ini dengan lawatan-lawatan pembesar-pembesar lain?

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa jikalau kita lihat dengan sebenarnya lawatan pemimpin ini ialah Naib Perdana Menteri. Dan jikalau kita melihatkan kepada jadual-jadual pada masa-masa yang lepas sebagai Ketua Negara atau pun Head of Government, kita mestilah mengingatkan cara-cara kita?

(1) Tidak ada perbezaan yang kita buat di antara Head of Government dengan yang tidak Head of Government. Head of Government ialah bermakna Perdana Menteri.

- (2) Kita bukan memaksa Ketua Negara patut melawat satu-satu tempat, terpujanglah kepada protokol merundingkan programnya. Jadi untuk menjawabnya tidak ada perbezaan di antara pemimpin-pemimpin yang lain yang telah membuat lawatan ke negara kita.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Kerajaan berpuas hati dengan keengganan Naib Perdana Menteri Kerajaan China baharu-baharu ini yang kita minta betapa sikapnya terhadap penganas komunis di Malaysia ini supaya komunis di Malaysia dapat memberhentikan kegiatannya pada melancarkan pemberontakan dalam negeri ini?

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj:** Tuan Yang di-Pertua, di dalam lawatan-lawatan ini kita merundingkan satu-satu perkara, ada yang bilateral iaitu dua hala, ada perkara yang berbangkit dengan antarabangsa. Kita telah menjelaskan keinginan kita iaitu kita tidak suka keadaan iaitu perhubungan parti kepada parti dan Kerajaan dengan Kerajaan. Jadi kita telah pun menerangkan perasaan kita keadaan ini. Walau bagaimanapun, perlulah kita membuatkan satu sikap yang mana keadaan di dalam Asia Tenggara ini akan dapat kekal dengan tidak ada satu-satu perkara yang boleh mengancam perhubungan baik di antara Malaysia dengan negara China dan kita telah mengadakan perhubungan kita di antara satu-satu negara sepertimana yang saya sebutkan tadi hormat-menghormati kedaulatan (sovereignty) tiap-tiap satu negara dan wilayah dan jangan campur tangan hal ehwal di dalam negara kita dan juga termasuklah subversif. Atas asas inilah kita pegang maka di atas asas inilah kita mengadakan perhubungan di antara China dengan Malaysia.

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Tuan Yang di-Pertua, di waktu lawatan Timbalan Perdana Menteri China ke Malaysia apabila ditanya oleh wartawan tentang subversif ataupun dakyah komunis yang disiarkan melalui radio dari Yunan atau di Selatan Negeri China ke Malaysia, bolehkah Timbalan Perdana Menteri China itu memberhentikan perkara ini. Apa yang dijawabnya? Saya baca dalam akhbar, jawabnya iaitu parti dengan Government adalah berlainan. Parti Komunis dengan Kerajaan

China adalah berlainan. Kita tahu, Tuan Yang di-Pertua, Parti Komunis yang memerintah negeri China dan Parti Komunis itulah Kerajaan Negeri China pada hari ini. Jadi boleh atau tidak parti yang memerintah negeri China dan Pemerintah negeri China memberhentikan siaran subversif komunis ini supaya jangan masuk ke Tanah Melayu dengan cara radio atau TV.

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj:** Tuan Yang di-Pertua, dalam soal ini kita telah pun menyuarakan. Apa yang penting Tuan Yang di-Pertua, hakikat yang sebenarnya iaitu apa yang berlaku dan apa yang akan berlaku itu adalah asas iaitu seperti mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata perbuatan adalah lebih lagi berkesan daripada bercakap atau deeds speak louder than words, maka atas asas-asas itulah kita akan mengadakan perhubungan dengan negara-negara lain. Maka soalan ini kita telah menyuarakan dan telah memberikan penjelasan-penjelasan, maka hakikat yang sebenarnya ialah kita berasas kepada apa yang berlaku dan apa yang akan berlaku yang sebenar. Saya suka menyatakan pada masa yang kebelakangan ini, keadaan-keadaan ini telah berubah. Maka di situlah nampaknya kita berharap perhubungan kita pada masa yang akan datang dengan negara China ini akan bertambah baik dan kita berharap negara-negara China dan negara-negara lain tidak akan membuat satu-satu perkara yang akan mengakibatkan keburukan perhubungan di antara negara kita dengan negara China ini.

## KAYU KAYAN NEGARA

**11. Tuan Chua Ching Cheng** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) samada beliau sedar bahawa pengeluaran kayu-kayan negara kita kebanyakannya diekspotkan ke luar negeri dan telah menimbulkan satu masalah kekurangan bekalan dan kenaikan harga bahan-bahan kayu untuk perusahaan pembinaan rumah dan perusahaan perabot-perabot di dalam negara kita; dan
- (b) jika ya, samada beliau bercadang untuk mengadakan sistem kuota untuk menetapkan satu kadar 50% daripada semua pengeluaran kayu-kayan dari

hutan negara kita hendaklah dibekalkan kepada pasaran tempatan bagi mengelakkan melambungnya harga bahan-bahan kayu.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab soalan ini bagi pihak Kementerian Perusahaan Utama.

(a) Dalam tahun 1977, pengeluaran dan eksport bagi kayu gergaji dan papan lapis daripada negara ini adalah seperti berikut:

	Kayu Gergaji % Eksport dari Pengeluar	Papan Lapis % Eksport dari Pengeluar
Semenanjung Malaysia	... 50.5%	61.2%
Sabah ...	... 11.7%	53%
Sarawak ...	... 59.8%	57.7%
Malaysia	... 49.8%	60.6%

Dari angka-angka yang saya sebutkan di atas adalah nyata bahawa kira-kira separuh dari kayu gergaji yang kita keluarkan adalah digunakan dalam negeri dan bagi papan lapis pula hampir 40% dari jumlah pengeluarannya adalah digunakan dalam negeri.

Kementerian sedar ada masa-masanya pengguna-pengguna di Semenanjung Malaysia terutamanya, termasuklah perusahaan perabut-perabut terpaksa membayar harga yang lebih tinggi untuk mendapatkan bahan-bahan kayu yang diperlukan. Tetapi ini bukanlah disebabkan oleh jumlah kayu-kayan untuk kegunaan tempatan telah bertambah kurang.

Menteri berkenaan pernah menyatakan di dalam Dewan Rakyat dahulu bahawa jumlah kayu gergaji yang diekspot dari Semenanjung Malaysia keluar negeri dan jumlah yang digunakan dalam negeri sendiri adalah kira-kira sama banyak. Di antara tahun 1971-1977 peratusnya ialah 51% eksport dan 49% untuk kegunaan dalam negeri. Bagi papan lapis pula, jumlah yang digunakan dalam negeri dari jumlah pengeluaran tahunan telah bertambah dari 28% kepada kira-kira 40% dalam tempoh yang sama. Memandangkan pengeluaran jumlah kayu gergaji dan papan lapis yang dikeluarkan di Semenanjung Malaysia telah bertambah, maka dengan itu jumlah yang dapat dibekal untuk kegunaan tempatan juga telah bertambah.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum, perusahaan pengilang kayu tempatan seperti perusahaan lain-lain juga sentiasa mengalami kenaikan kos pengeluaran. Oleh itu harga barang-barang keluaran daripada kilang-kilang perusahaan kayu juga telah mula meningkat mengikut kadar kenaikan kos pengeluaran. Lebih penting lagi ialah oleh kerana harga hasil pengeluaran kayu tempatan kita adalah mengikut keadaan pasaran eksport, harga kayu untuk kegunaan tempatan ada masa-masanya turut naik apabila permintaan pasaran luar negeri meningkat.

Untuk menjawab (b), sungguhpun pengguna-pengguna tempatan kadang-kadang menghadapi kesukaran mendapatkan bekalan kayu yang cukup, saya rasa belum sampai masanya bagi Malaysia, khususnya Semenanjung Malaysia, mengadakan satu sistem kuota menghadkan eksport kayu-kayan pada kadar 50% dari pengeluarannya sahaja. Ini adalah atas beberapa alasan seperti berikut:

- (a) kekurangan atau kenaikan harga, jika ada sekalipun, selalunya tertumpu kepada beberapa jenis atau kepada spesifikasi yang tertentu sahaja. Oleh yang demikian, kuota seperti yang dimaksudkan mungkin menyebabkan kemerosotan pasaran bagi jenis-jenis yang memang tidak ada permintaan yang baik dalam negeri;
- (b) perusahaan-perusahaan kayu tempatan telahpun ditubuhkan sebagai perusahaan "export oriented" lebih-lebih lagi bagi kilang-kilang papan lapis. Oleh yang demikian, sekatan-sekatan eksport melalui sistem kuota mungkin mengancam "viability" perusahaan kita;
- (c) dalam keadaan di mana harga balak tempatan sentiasa meningkat dengan pesatnya, penganan kuota eksport seperti dimaksudkan itu tidak dengan sendirinya dapat mengelakkan kenaikan harga bagi bahan kayu yang diperlukan untuk kegunaan dalam negeri.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perusahaan Utama berpendapat apa yang perlu dibuat sekarang ialah menggalakkan pengimpotan kayu balak ke Semenanjung Malaysia supaya membolehkan pengusaha-pengusaha kilang tempatan meninggikan lagi daya pengeluaran mereka dan dengan itu dapat membekalkan lebih banyak lagi kayu untuk pasaran dalam negeri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 12 adalah diberi di bawah ini.)*

### KEMALANGAN JALANRAYA

**12. Puan Hajjah Tom Saodah binti Haji Othman** minta Menteri Pengangkutan menyatakan setakat mana akan diambil tindakan disiplin ke atas pemandu-pemandu kereta sewa atau lori dan bas kerana di masa sekarang ini terlalu banyak kemalangan boleh dikatakan berlaku setiap hari dengan menyatakan angka-angka bagi tahun 1978 mengenai:

- (i) bilangan kematian;
- (ii) bilangan yang cedera; dan
- (iii) bilangan kes-kes kemalangan.

**Menteri Pengangkutan (Tan Sri V. Manickavasagam):** Sebenarnya peraturan-peraturan memang sedia ada di bawah undang-undang lalulintas 49/58 dan kaedah-kaedah yang berkenaan dibuat di bawah undang-undang tersebut untuk mengambil tindakan disiplin ke atas pemandu-pemandu segala jenis kenderaan perdagangan dan pihak yang berkuatakuasa seperti Jabatan Pengangkutan Jalan dan Polis sentiasa menguatkuasakan peruntukan-peruntukan tersebut supaya terjamin keselamatan di jalanraya.

Selain daripada itu pegawai-pegawai dalam kumpulan A—Pengurusan dan Ikhtisas—juga diminta membantu pihak Jabatan Pengangkutan Jalan dengan memberi laporan ke atas pemandu-pemandu kenderaan perdagangan yang tidak mematuhi peruntukan dalam undang-undang lalulintas 49/58 dan Jabatan Pengangkutan Jalan diberi kuasa yang penuh di bawah seksyen 133 undang-undang tersebut untuk mengadakan pertanyaan pentadbiran dan mengambil tindakan sewajarnya. Seksyen tersebut memberi kuasa kepada Pendaftar dan Pemeriksa Kereta-kereta Motor untuk memberi amaran atau menggantungkan atau membatalkan lesen memandu kenderaan perdagangan yang berkenaan.

Perangkaan-perangkaan kemalangan yang berlaku sehingga bulan September 1978 adalah seperti berikut:

(i) Bilangan kematian	...	2,074
(ii) Bilangan kecederaan	...	19,772
(iii) Bilangan kemalangan	...	42,814

### RANG UNDANG-UNDANG

#### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1979

##### Bacaan Kali Yang Kedua

3.45 ptg.

**Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya satu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan sebahagian dari Kumpulanwang Yang Disatukan untuk perkhidmatan tahun 1979 serta menguntukkan wang tersebut dan jumlah wang yang lain yang telah diluluskan pengeluarannya bagi perkhidmatan tahun tersebut dibaca pada kali yang kedua.

Saya sukacita dapat berpeluang meneruskan tradisi yang telah dimulakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita Datuk Hussein Onn semasa beliau menjadi Menteri Kewangan, iaitu membentangkan Perutusan Khas Belanjawan di Dewan Negara. Pengalaman membuktikan, adalah amat berguna dan berfaedah bagi Dewan ini membincangkan secara mendalam akan dasar-dasar ekonomi dan kewangan Kerajaan seperti yang dibentangkan setiap tahun dalam Ucapan Belanjawan dan Perutusan Belanjawan.

Sebagaimana yang saya lakukan dalam ucapan Belanjawan saya dahulu, di sini saya akan bentangkan dasar-dasar fiskal dan kewangan kita dalam garis-garis kasarnya saja, dengan menggunakan kedudukan ekonomi dan kewangan kita serta ramalan-ramalannya bagi tahun 1978 dan 1979 sebagai latarbelakang. Analisa yang mendalam mengenai isu-isu penting ini telahpun dihuraikan di dalam dokumen-dokumen Belanjawan yang dibentangkan di Dewan ini, seperti Laporan Ekonomi, Memorandum

Hasil dan Perbelanjaan, dan Ahli-ahli Yang Berhormat tentulah akan dapat menimba dari dokumen-dokumen ini apabila Dewan ini membahaskannya kelak.

#### *Jumlah Perbelanjaan Tahun 1979*

Ahli-ahli Yang Berhormat tentulah sedar bahawa dalam beberapa tahun kebelakangan ini, Kerajaan semakin banyak memberikan keutamaan kepada dasar-dasar mengurus dan memperluas perbelanjaan kita. Ini adalah kerana kita percaya yang dasar-dasar fiskal dan kewangan kita sudah sampai kepada peringkat yang boleh ditetapkan. Yang perlu sekarang ialah mempertegapkannya lagi. Walau bagaimanapun selaras dengan janji Kerajaan untuk meningkatkan pembangunan sosio-ekonomi kita bagi memenuhi "hasrat kita hendak membentuk suatu masyarakat Malaysia yang bersatu, bangga dan teguh", kita telah dan akan terus memberikan keutamaan kepada usaha-usaha memperluaskan dan meninggikan mutu perkhidmatan-perkhidmatan awam dan kemudahan-kemudahan infrastruktur atau kemudahan-kemudahan asas Kerajaan yang akan membawa faedah yang lebih besar lagi kepada rakyat.

#### *Jumlah Peruntukan Perbelanjaan Tahun 1979*

Oleh itu Belanjawan tahun 1979, telah mencadangkan jumlah peruntukan sebanyak \$13,570 juta terdiri dari \$8,709 juta bagi Perbelanjaan Mengurus dan \$4,861 juta bagi Perbelanjaan Pembangunan.

Suka juga saya menambah bahawa peruntukan bagi Perbelanjaan Pembangunan ini hanya sementara sahaja oleh kerana ianya tentu akan ditambah lagi apabila Kajian Semula Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga dikemukakan kepada Parlimen pada awal tahun akan datang.

#### *Strateji Belanjawan 1979*

Strateji Belanjawan tahun 1979 telah menimbangankan kedudukan ekonomi semasa di dalam dan luar negeri dan dibentuk:

Untuk mengekal dan memajukan pertumbuhan terus menerus ekonomi Malaysia dan untuk meningkatkan Agihan Pendapatan dalam rangka kesetabilan harga.

Pada hakikatnya, Belanjawan 1979 telah dirangka untuk mencapai tujuan-tujuan ini melalui langkah-langkah yang sesuai yang berkait dengan cukai perbelanjaan dan kewangan supaya dapat:

- (a) menambah pendapatan sebenar selepas ditolak cukai, terutama bagi golongan berpendapatan rendah;
- (b) menggalakkan simpanan yang lebih besar dengan mengadakan dorongan-dorongan menyimpan yang lebih menarik; dan
- (c) memperbanyakkan peluang-peluang Pekerjaan dan meninggikan taraf hidup golongan yang berpendapatan rendah melalui peruntukan yang lebih besar dan meluas, terutama bagi Perbelanjaan Pembangunan.

Strateji Belanjawan Kerajaan dijangka dapat menangkis setengah daripada akibat buruk dari ekonomi antarabangsa yang lembab dan tidak tentu pulihnya itu. Jadi, Keluaran Negara Kasar Malaysia dijangka bertambah sebanyak 7.2% dalam tahun 1979 berbanding dengan purata 3.3% dari segi sebenar bagi semua negara maju yang besar-besar. Begitu juga angka tunjuk harga Pengguna dijangka bertambah tetap hanya pada kadar 5%.

Untuk mencapai tujuan memajukan pertumbuhan ekonomi, tiga jenis galakan cukai telah dicadangkan di dalam Belanjawan 1979. Pertamanya, elaun pelaburan semula (reinvestment allowance) sebanyak 25% akan diberikan kepada semua perusahaan yang mengilang dan memproses barang-barang yang berhajat menanam semula modalnya untuk mengembang dan memodenkan perusahaannya. Elaun ini ialah bagi mengurangkan beban perbelanjaan membeli loji, mesin dan membina bangunan perusahaan dalam tempoh tiga tahun mulai 1979. Kedua, kredit cukai pelaburan sebanyak 50% dari perbelanjaan modal harta akan diberi kepada semua syarikat dan koperatif yang mengusahakan projek-projek pertanian bagi mengeluarkan bahan makanan seperti buah-buahan, sayur-sayuran, ternakan haiwan dan sumber makanan laut. Ketiga, pengecualian penuh dari cukai pendapatan selama tempoh 12 tahun adalah diberi kepada semua syarikat perkapalan dengan syarat iaitu sebahagian tertentu dari keuntungan yang dikecualikan cukai itu

dipindahkan kepada tabung simpanan yang akan dibentuk oleh tiap-tiap syarikat bagi maksud menambahkan bilangan kapalnya. Tindakan juga telah diambil bagi mengurangkan beban cukai ke atas perusahaan timah dengan cara mengurangkan cukai keuntungan timah dari 15% kepada 12½% dalam kumpulan sut tertinggi.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya suka mengambil peluang mengumumkan suatu perubahan cukai yang berfaedah lagi kepada perkembangan perindustrian. Dengan tujuan membantu perusahaan berasaskan kayu dalam negeri ini, terutama sekali yang terdapat di Semenanjung yang pada masa ini menghadapi kekurangan kayu balak, saya memberi pengecualian penuh daripada membayar duti impot sebanyak 15% dan cukai tokok 5% itu kepada pengimpot kayu balak yang membawa masuk kayu ke Semenanjung. Walau bagaimanapun, pengimpot-pengimpot adalah diperlukan mendapat lesen impot yang akan dikeluarkan oleh Lembaga Kemajuan Perindustrian Kayu Malaysia sebelum pengecualian cukai diberi. Ingin saya tegaskan di sini bahawa keperluan mendapatkan lesen impot ini adalah semata-mata untuk membolehkan pengimpotan balak dikawal rapi oleh Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia bagi menjaga kepentingan perusahaan kayu tempatan. Semua syarikat yang mengeluarkan hasil dari kayu yang memerlukan balak yang diimpot boleh mendapat lesen daripada Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia melainkan keadaan di dalam negeri tidak mengizinkannya. Adalah diharapkan langkah ini akan membolehkan pengilang-pengilang perusahaan berasaskan kayu membuat rancangan yang lebih baik bagi memenuhi permintaan eksport yang makin bertambah, yang hasilnya nanti akan menambahkan pendapatan dari eksport dan seterusnya pendapatan negara.

Peruntukan perbelanjaan yang tinggi bagi tahun 1979 ialah kerana hendak mencapai matlamat-matlamat sosio-ekonomi Kerajaan secepat yang mungkin, menurut Dasar Ekonomi Baru dan Rancangan Malaysia Ketiga. Jadi, kira-kira sebanyak satu pertiga atau \$2,768 juta diuntukkan bagi Perkhidmatan Sosial, seperti Perkhidmatan Pelajaran dan Kesihatan yang telah diuntukkan masing-masing sebanyak \$1,943 juta dan \$662 juta.

Perbelanjaan Pembangunan 1979 juga memberikan keutamaan kepada rancangan membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat kerana Kerajaanlah yang mengambil inisiatif atau daya utama bagi mencapai tujuan-tujuan sosio-ekonomi negara.

Ini telahpun dilakukan bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan perkembangan pelaburan swasta serta pertumbuhan pengeluaran makanan pertanian. Oleh itu Kerajaan telah mengambil langkah-langkah untuk menambahkan peruntukan perbelanjaan dalam program-program di berbagai-bagai sektor awam khasnya perbelanjaan infrastruktur dan lain-lain perkhidmatan.

Oleh itu lebih kurang tiga-perlima atau \$2,690 juta untuk perbelanjaan pembangunan telah diperuntukkan kepada perkhidmatan-perkhidmatan ekonomi, termasuklah pertanian dan pembangunan luar bandar. Sejumlah \$715 juta telahpun disediakan untuk pengangkutan, termasuklah \$498 juta untuk jalan-jalan dan jambatan-jambatan, dan \$165 juta darinya ialah untuk jalan-jalan luar bandar. Supaya penduduk luar bandar dapat kemudahan-kemudahan yang lebih baik dan juga untuk mengurangkan kos penyenggaraan, jalan-jalan luar bandar ini akan ditarkan. Selain dari itu Kerajaan juga telah bersetuju untuk membiayai kos dengan sepenuhnya untuk memperbaiki dan menyegerakan semua jalan-jalan dalam Rancangan FELDA.

Berhubung dengan perhubungan, sejumlah \$592 juta telah diperuntukkan untuk membaikkan lagi segala kemudahan-kemudahan yang sedang ada untuk telekom, perkhidmatan pos, penyiaran dan perkhidmatan kajicuaca.

Adalah menjadi objektif Kerajaan untuk menyediakan perumahan dengan secukupnya kepada rakyat terutama sekali bagi mereka yang berpendapatan rendah. Sebagaimana yang telah saya nyatakan dalam Ucapan Belanjawan saya, sejumlah \$450 juta telahpun diluluskan untuk mengurangkan masalah perumahan di Kuala Lumpur dan juga di lain-lain negeri.

Kerajaan juga akan mempercepat pelaksanaan objektif Kerajaan untuk menyusun semula masyarakat di dalam perniagaan dan perdagangan. Oleh itu lebih kurang \$600 juta

telahpun diperuntukkan menerusi berbagai-bagai agensi seperti UDA, MARA, SEDC supaya mengambil peranan di dalam aktiviti-aktiviti seperti pembinaan, harta tanah, pembangunan, perdagangan dan perindustrian serta latihan vokesyenal untuk mencapai objektif yang penting ini.

### *Langkah-langkah Kewangan*

Tuan Yang di-Pertua, kita semua masih ingat, Kerajaan telah memperkenalkan beberapa langkah kewangan dalam Belanjawan yang lepas.

Langkah-langkah kewangan itu diadakan untuk memaju dan memodenkan lagi sistem kewangan negara.

Langkah-langkah kewangan ini, bersama-sama dengan kadar pengecualian cukai yang lebih tinggi ke atas faedah simpanan Bank Simpanan Nasional, bank-bank perdagangan dan lain-lain institusi yang sah, adalah bertujuan bagi menggalakkan penyimpanan. Oleh itu, perbelanjaan-perbelanjaan tambahan Kerajaan dan sektor swasta dalam mengembangkan sektor Kerajaan dan juga pelaburan swasta, akan dapat diketepikan supaya mengurangkan tekanan ke atas harga dan bekalan wang.

Bagi mengurangkan beban inflasi perubahan-perubahan cukai yang telah diambil adalah meliputi kedua-dua cukai langsung dan cukai tidak langsung. Mengenai cukai-cukai langsung, tindakan telah diambil untuk menambah jumlah pelepasan bagi anak-anak daripada maksima \$2,300 kepada \$3,000 dan pembayar cukai yang mempunyai anak seramai lima orang atau lebih adalah berhak menikmatinya. Potongan yang dibenarkan ke atas premium insuran dan sumbangan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja juga telah ditambah dari jumlah maksima \$3,000 kepada \$3,500. Perubahan-perubahan dalam pelepasan ini adalah diberi dengan tujuan menolong pembayar cukai menghadapi tanggungan-tanggungan yang menjadi kewajibannya. Berhubung dengan cukai-cukai tidak langsung, beberapa perubahan dalam duti-duti kastam diumumkan dan ini termasuklah duti impot buah-buahan yang telah dikurangkan sebanyak 50% dan juga perubahan duti atas radio, TV, dan alat-alat solek. Dengan tujuan membantu pengusaha-pengusaha pengangkutan awam memperbaiki mutu perkhidmatan

mereka, Kerajaan telah mengurangkan duti eksais dan cukai jalan atas bas-bas dan telah memansuhkan cukai tempat duduk.

Soalan selalu dibangkitkan mengapa Kerajaan tidak menyemak semula cukai pendapatan individu atau orang perseorangan supaya ditambah lagi jumlah lepaan cukai bagi pembayar cukai dan isterinya. Kepada soalan ini, saya ingin menjawab bahawa tidaklah benar yang Kerajaan tidak pernah menyemak semula. Misalnya dalam Belanjawan 1977, Kerajaan telah mengambil tindakan mengurangkan beban cukai bagi mereka yang membayar cukai dengan memberi ribat \$60 bagi pembayar cukai dan \$30 bagi isterinya. Jumlah pelepasan cukai sebanyak \$90 itu adalah sama seperti melepaskan cukai persendirian sebanyak \$1,500 bagi pembayar cukai yang ada dalam lingkungan yang dikenakan cukai pada kadar 6%. Ini bermakna pembayar-pembayar cukai di dalam lingkungan ini, yang merupakan lingkungan bayaran cukai yang paling rendah, adalah menikmati pelepasan (termasuk pelepasan untuk isteri) yang jumlah besarnya ialah sebanyak \$4,500. Bagaimanapun, soal pelepasan cukai persendirian ini mungkin disemak semula kalau didapati ada sebab-sebab yang munasabah. Saya telah memberi jaminan di Dewan Rakyat bahawa perkara ini akan disemak dengan teliti, dan jika didapati munasabah mengurangkannya lagi, maka saya tidak akan teragak-agak mengambil tindakan sewajarnya.

### *Penyetabilan Harga dan Gerakan Pengguna*

Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa Kerajaan sentiasa waspada dan dasar fiskal dan kewangannya telah dapat menahan kenaikan harga, yang tahun ini hanya naik setakat kira-kira 5% sahaja.

Belanjawan tahun 1979, bukan saja mengadakan langkah-langkah meningkatkan perbelanjaan Kerajaan untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi, tetapi juga memberi ketutamaan kepada usaha-usaha meningkatkan lagi keupayaan ekonomi supaya lebih produktif. Apabila belanja Kerajaan yang bertambah ini seimbang dengan pengeluaran yang bertambah keupayaannya, maka dapatlah menolong menggalakkan pertumbuhan ekonomi memperbanyakkan peluang-peluang pekerjaan, memperluaskan pendapatan yang lebih tinggi. Dan tujuan-tujuan

ini semuanya dapat dicapai dalam rangka kestabilan harga barang-barang pada nisbahnya.

Seperti yang pernah saya katakan, sistem ekonomi kita yang terbuka dan bebas ini tidak membolehkan kita mencegah kenaikan harga habis-habisan. Tetapi Kerajaan berazam mencuba dengan seberapa daya yang boleh untuk menahan kenaikan harga, hatta mengurangkan harga jika boleh terutamanya barang-barang dan perkhidmatan-perkhidmatan yang amat diperlukan oleh golongan-golongan yang berpendapatan rendah.

Berkaitan dengan ini, saya menerusi Dewan yang mulia ini ingin menekankan bahawa Kerajaan tidak mengenakan apa-apa cukai ke atas banyak barang-barang perlu yang penting kepada golongan-golongan yang berpendapatan rendah. Lagi pun, harga bagi makanan-makanan utama seperti beras, roti, gula dan harga barang-barang perlu yang lain seperti minyak tanah dan sebagainya adalah ditetapkan oleh Kerajaan ataupun diberi subsidi yang tinggi.

Seperti yang Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum Kerajaan telah banyak kali menurunkan cukai-cukai yang dikenakan ke atas barang-barang pengguna, tetapi malangnya harga barang-barang ini tidak juga turun sewajarnya. Akibatnya, rakyat jelata yang menjadi pengguna tidak dapat nikmatnya seperti yang dimaksudkan oleh Kerajaan. Oleh itu yang selalu untung dari faedah penurunan cukai ini bukanlah pihak pengguna, tetapi pihak peniaga. Ini adalah perkara yang serius dan saya ingin menitikberatkan bahawa Kerajaan menganggap amalan meletakkan harga yang tidak adil dan membolot untung yang berlebih-lebihan adalah suatu perkara pecah amanah yang serius terhadap Kerajaan dan rakyat. Kerajaan telahpun memberi amaran kepada peniaga-peniaga yang curang dan tidak bertimbangrasa.

Patutlah disedari bahawa Kerajaan adalah melibatkan diri sepenuhnya terhadap dasar meninggikan pendapatan sebenar bagi golongan-golongan yang berpendapatan rendah. Seharusnya disedari juga bahawa Kerajaan bertanggungjawab bagi melindungi kepentingan pengguna yang sah. Oleh itu Ahli-ahli Yang Berhormat tentulah akan bersetuju bahawa golongan peniaga juga adalah sama bertanggungjawab kepada Kerajaan

dan pengguna bagi memastikan supaya faedah daripada penurunan dan pengecualian cukai dapat juga dinikmati oleh pengguna.

Kerajaan akan terus mengambil langkah bagi menjamin harga yang berpatutan. Tetapi, tanggungjawab menjamin harga yang berpatutan ini bukanlah tanggungjawab Kerajaan semata-mata, dan janganlah dibiarkan saja Kerajaan memikulnya. Pihak pengguna juga hendaklah sama-sama menjalankan peranan yang penting dan mustahak ini.

Oleh yang demikian, saya berseru kepada pihak pengguna supaya memperkukuhkan kedudukan mereka supaya dapat menolong Kerajaan membantu mereka berjuang mendapatkan harga yang lebih stabil dan berpatutan.

Walaupun ada beberapa buah Persatuan Pengguna di negara ini, saya rasa gerakan pengguna belumlah begitu luas difahami orang dan belum cukup aktif bagi memainkan peranan yang lebih bermakna.

Kerajaan memang akan menggalakkan gerakan pengguna yang kuat dan cergas di negara ini. Untuk mencapai matlamat ini, Kerajaan akan terus memberikan perhatian yang lebih besar kepada usaha mengukuhkan gerakan pengguna di Malaysia. Bantuan kewangan telah disediakan kepada gerakan pengguna di masa lampau dan Kerajaan sedia menambahkan bantuan kewangan ini jika gerakan pengguna sanggup memikul tanggungjawab yang lebih besar dan memainkan peranan yang lebih bermakna bagi mendapatkan harga yang stabil dan berpatutan kepada pengguna.

#### *Kritik-kritik Belanjawan 1979*

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya berasa cukup gembira dapat sama-sama mengambil bahagian berbahas dalam Dewan yang mulia ini.

Di waktu Perbahasan Belanjawan di Dewan Rakyat tempoh hari, Ahli-ahli Yang Berhormat dari pihak Pembangkang telah bersungguh-sungguh cuba mengelirukan orang ramai sehingga mereka sendiripun sama terkeliru oleh hujah-hujah keliru yang mereka humbankan kepada Kerajaan. Yang malang ialah mereka jua, kerana lumpur yang mereka cuba lemparkan kepada Kerajaan, akhirnya hinggap ke muka mereka sendiri jua.

Saya beri contoh hujjah-hujjah karut mereka itu. Pertama, katanya Kerajaan jangan cukai dan mana-mana cukai yang ada hendaklah diturunkan lagi. Kedua, katanya kita jangan meminjam untuk membiayai pembangunan. Tetapi anehnya pula, mereka setuju yang perbelanjaan pembangunan negara patut lebih tinggi lagi.

Maka nyatalah dari pemikiran yang tidak lojik ini, pihak Pembangkang tidak faham bagaimana hendak mengurus ekonomi dan kewangan negara kita.

Saya ingin bertanya pihak Pembangkang dan konco-konconya, bagaimanakah caranya hendak meningkatkan pertolongan kepada golongan-golongan yang berpendapatan rendah di negara ini kalau tidak dengan jalan cukai dan pinjaman bagi membiayai usaha-usaha pembangunan yang lebih giat?

Belanjawan ini sesungguhnya tidak menaikan cukai, tetapi sebaliknya, pelepasan cukai ini menguntungkan pembayar cukai sebanyak kira-kira \$51 juta. Jadi yang harus dipersoalkan bukanlah mengapa Kerajaan tidak mengenakan cukai, tetapi lebih munasabah kalau ditanya:

Bagaimana Kerajaan dapat membiayai perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan yang begitu besar tanpa menaikkan cukai. Alangkah bertuahnya kita?

Ini mudah saja dijawab. Prestasi Belanjawan kita memang kuat selama ini. Hasil negara kita telah berkembang, mencerminkan kekukuhan asasi ekonomi Malaysia. Begitu juga usaha-usaha Kerajaan untuk mengekal dan mengukuhkan disiplin kewangan telah mencegah perkembangan perbelanjaan mengurus yang tidak diperlukan dan telah dapat membantu kenaikan kekesanan kos terutamanya melalui penggunaan teknik Sistem Belanjawan Program dan Prestasi yang meluas.

Saya juga suka menegaskan sekali lagi bahawa Ahli-ahli dari pihak Pembangkang seyogialah cuba memahami bahawa Belanjawan adalah satu package ekonomi dan kewangan yang menyeluruh bersabit dengan dasar kewangan awam. Dengan itu ia tidak harus dikelirukan dengan aspek percukaian sahaja. Saya pernah menegaskan bahawa Belanjawan merupakan satu rancangan ekonomi tahunan yang meliputi hasil, perbelanjaan mengurus dan pembangunan, penguasaan hutang negara dan juga isu-isu kewangan. Saya berharap ahli-ahli Pembang-

gang lama kelamaan akan dapat juga memahami konsep-konsep asasi ini yang berkaitan dengan Belanjawan dan dasar kewangan awam supaya mereka dapat memberikan kritik-kritik yang lebih menasabah dan berfaedah kepada Kerajaan di masa hadapan.

#### *Kajian Semula Ekonomi dan Belanjawan dan Ramalan untuk tahun 1978 dan 1979.*

Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, saya telahpun menyatakan di dalam Ucapan Belanjawan saya bahawa ekonomi Malaysia dijangka berkembang sebanyak 7.2% dari segi sebenar tahun ini. Petanda-petanda ekonomi yang kita dapati di masa beberapa minggu ini tidaklah memerlukan kita meminda anggaran yang dibuat dahulu mengenai pertumbuhan ekonomi. Begitu juga Angkatunjuk harga Pengguna yang telah turun sedikit pada bulan Oktober adalah juga dijangka setabil dalam lingkungan 5% bagi keseluruhan tahun 1978 sebagaimana yang dinyatakan dalam Ucapan Belanjawan saya.

Pelaburan-pelaburan awam dan swasta dijangka akan terus bertambah di paras yang tinggi dalam tahun 1979, kira-kira 10% masing-masing dari segi sebenar. Ekspot barang dan perkhidmatan negara kita yang dianggarkan bertambah kira-kira 6.9% pada paras harga tetap di waktu Ucapan Belanjawan saya dahulu harus meningkat lagi, kerana ekspot-ekspot utama kita nampaknya terus mencapai harga yang tinggi. Ini harus menambah lagi hasil Belanjawan kita bagi tahun 1979. Tetapi impot barang dan perkhidmatan, yang telah dijangkakan bertambah sebanyak 6.4% pada paras harga tetap pun harus sama meningkat sekiranya pertumbuhan ekonomi bagi tahun 1979 seluruhnya meningkat lebih dari 7.2% yang dianggarkan sekarang. Berdasarkan ini maka imbangan pembayaran yang dijangka terus kukuh, haruslah dapat mengumpul wang cadangan kira-kira \$400 juta. Jumlah ini merupakan tambahan kepada wang cadangan ataupun wang simpanan bagi pertukaran luar negeri yang memang tinggi pada masa ini, iaitu dianggarkan sebanyak kira-kira \$7,000 juta.

Tetapi prestasi Belanjawan sebenar bagi tahun 1978, dijangka akan lebih baik. Hasil sebenar adalah dijangka akan lebih baik dari yang diharapkan di waktu Ucapan Belanjawan saya tempoh hari. Sebaliknya Belanja Mengurus Perbelanjaan adalah dijangka

dapat distabilkan seperti yang dianggarkan dahulu. Oleh itu bolehlah diharapkan sekarang yang Akaun semasa Belanjawan 1978 akan berlebihan sebanyak kira-kira \$400 juta berbanding dengan anggaran terdahulu iaitu semasa ucapan Belanjawan saya di dalam Dewan Rakyat pada akhir bulan Oktober tahun ini sebanyak \$120 juta.

Tuan Yang di-Pertua, perkembangan ekonomi antarabangsa dalam masa beberapa minggu sejak Ucapan Belanjawan telah memperkuat sangkaan kita iaitu ekonomi dunia akan terus lembab. Perubahan dasar ekonomi Amerika Syarikat baru-baru ini yang lebih menitikberatkan langkah pengurangan inflasi daripada langkah menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan gunatenaga mungkin mengeciwakan harapan yang Amerika Syarikat dapat mencapai pertumbuhan ekonomi sebanyak 3% dari segi sebenar bagi separuh tahun pertama 1979. Keluaran Negara Kasar yang sebenar telahpun dipinda dalam bulan November kepada hanya 2.8% bagi tahun 1979. Begitu juga negeri Jepun, iaitu rakan perdagangan kita yang terbesar terus mengalami pertumbuhan ekonomi yang lembab. Kadar pertumbuhan ekonomi sebanyak 7% yang dijangkakan oleh negeri Jepun bagi tahun kewangan semasa sekarang, tidaklah dapat lagi diterima. Bahkan anggaran pertumbuhan ekonomi yang dahulu sebanyak 4.5% bagi separuh tahun pertama 1979 pun nampaknya tidak dapat dicapai.

Oleh yang demikian, keadaan ekonomi dunia dan implikasi-implikasinya pada pengharapan ekonomi Malaysia, nampaknya tidaklah berubah. Kalau berubah pun ialah ke arah keadaan yang lebih buruk yang tidak menyenangkan. Kadar-kadar inflasi pun masih tinggi bagi semua negara-negara perindustrian yang besar-besarnya.

#### *Perundingan Perdagangan Berbagai Negara (MTN)*

Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil peluang untuk memaklumkan Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan Negara ini mengenai Perundingan Perdagangan Berbagai Negara (Multilateral Trade Negotiations) yang sedang berjalan sekarang yang juga berlarutan begitu lama, pun tidak mencapai kejayaan yang memuaskan. Perundingan-perundingan ini ialah bertujuan memperbaiki sistem dan amalan perdagangan dunia.

Tarikh akhir untuk menamatkan perundingan telah ditunda kepada pertengahan bulan Disember tahun ini. Tetapi tarikh yang baru itu pun nampaknya mungkin tidak akan tercapai. Kelambatan ini bertambah rumit lagi kerana tidak dapat dipastikan samada kongres baru Amerika Syarikat yang akan bersidang dalam bulan Januari 1979 akan bersetuju melanjutkan tawaran balas pelonggaran duti yang termasuk dalam Akta Perdagangan Amerika Syarikat itu. Sekiranya pelonggaran itu tidak diluluskan maka pihak-pihak berkuasa Amerika Syarikat terpaksa-lah mengenakan tawaran balas duti-duti ke atas banyak barang-barang impot, terutama keluaran-keluaran pertanian daripada Kesatuan Ekonomi Eropah.

Yang berjaya sedikit dalam perundingan-perundingan ini nampaknya hanyalah mengenai tawaran-tawaran keluaran tropika yang telah dilaksanakan oleh negara-negara maju, berkuatkuasa dari bulan Januari 1977 kecuali Amerika Syarikat. Namun demikian, tawaran-tawaran ini tidaklah berguna sangat kepada Malaysia kerana ia merupakan hanya kira-kira 22% daripada jumlah pelonggaran yang telah diminta.

Sementara itu Perundingan Perdagangan Berbagai Negara sedang menumpukan perhatiannya kepada menggubal syarat-syarat mengenai perlaksanaan berbagai-bagai Tata Susila yang mungkin digunakan di dalam perhubungan perdagangan antarabangsa pada masa akan datang. Tetapi masalah yang sebenar, pada pandangan negara-negara yang sedang membangun seperti Malaysia kita ini ialah mereka tidak pernah dihubungi sepenuhnya dan tidak pula dijemput untuk mengambil bahagian yang aktif di dalam rundingan-rundingan mengenai Tata Susila (Code of Conduct) yang sedang dibentuk oleh negara-negara perindustrian itu.

Oleh itu negara-negara membangun berasa amat bimbang yang kelewatan dan kegagalan perundingan ini akan menyusahkan lagi perdagangan dan ekonomi antarabangsa. Lebih-lebih lagi negara-negara yang sedang membangun seperti Malaysia berharap supaya Tata Susila yang baru itu janganlah hendaknya dibuat untuk negara-negara maju tanpa menghiraukan kepentingan negara-negara membangun.

Sekiranya kebimbangan-kebimbangan menjadi realiti maka ini akan menjadi satu lagi paluan terhadap semangat saling bergantungan nasib antarabangsa dan juga terhadap harapan negara-negara membangun hendak maju secepat-cepatnya.

### *Perundingan Tabung Bersama*

Tuan Yang di-Pertua, sebagai maklum, sesi Kedua Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu Mengenai Tabung Bersama (Common Fund) yang disambung semula baru-baru ini telah berakhir tanpa hasil yang memuaskan. Saya mengambil peluang ini untuk hendak memberi tahu Ahli-ahli Yang Berhormat tentang kemajuan yang telah dicapai setakat ini mengenai perundingan penubuhan Common Fund ini kerana ianya amat penting bagi negara kita sebagai pengeluar bahan-bahan utama yang dikehendaki oleh negara-negara yang maju.

Kegagalan mencapai persetujuan setelah dua tahun berunding sejak Persidangan UNCTAD Yang Ke-4 di Nairobi dalam tahun 1976 itu, adalah membayangkan ketiadaan azam politik di kalangan negara-negara maju untuk menemui keperluan-keperluan yang paling mendesak yang dialami oleh negara-negara yang sedang membangun. Lagipun, kegagalan mencapai persetujuan antara negara-negara yang kaya dengan negara-negara yang miskin, nyatalah membayangkan keadaan yang tidak memuaskan perihal apa yang dikatakan dialog antara Utara dan Selatan itu. Hal yang semacam inilah juga yang melemahkan semangat susunan Baru Ekonomi Antarabangsa dan saling bergantungan yang selalu dibanggakan itu.

Negara-negara yang sedang membangun dan kita di Malaysia, yang sangat-sangat menggantungkan harapan supaya berjaya tertubuhnya Tabung Bersama (Common Fund) itu, yang menjadi alat utama dalam Program Lengkap Bagi Barangan (Integrated Programme for Commodities) amatlah berasa keciwa dengan sikap tidak peduli beberapa buah negara maju, yang setengahnya ada perhubungan yang baik dan lama dengan kita.

Beberapa perbezaan pendapat yang besar masih lagi terdapat mengenai beberapa isu pokok berkaitan dengan penubuhan Tabung Bersama. Misalnya, struktur dan juga jumlah modal Tabung tersebut masih lagi dipersoal-

kan. Negara-negara perindustrian mencadangkan, modal dibenarkan hendaklah sebanyak US\$2,000 juta sahaja. Ini sudah tentu menjadikan Tabung tersebut tidak berkesan dalam mencapai tujuan Program Lengkap bagi Barangan (Integrated Programme for Commodities). Negara-negara membangun pula telah menegaskan perlunya bagi mengadakan modal dibenar sebanyak US\$6,000 juta.

Kedua, terdapat perbezaan pendapat yang pokok mengenai cara membiayai operasi selain dari setok penimbal, seperti penyelidikan pertanian dan kemudahan pengangkutan yang berkaitan patut dibayar melalui caruman yang dimestikan atau dengan sukarela. Negara-negara perindustrian sememangnya sukakan caruman ini dibuat secara sukarela manakala negara-negara membangun telah meminta supaya caruman-caruman dimestikan untuk memastikan supaya operasi mengenai perkara-perkara selain dari stok penimbal boleh berjalan dengan licinnya.

Adalah menjadi harapan kita yang negara-negara perindustrian akan mengkaji semula kedudukan masing-masing supaya mereka dapat secara lebih positif memberi sumbangan ke arah penubuhan Tabung Bersama itu dengan menguatkan semangat saling bergantung nasib.

Oleh yang demikian, adalah wajib bagi negara-negara perindustrian berusaha lebih keras lagi ke arah melaksanakan dasar-dasar ekonomi dalam negeri mereka dengan lebih berkesan. Mereka patut juga bersetuju mengadakan kerjasama antarabangsa yang lebih berkesan bagi membentasi ancaman-ancaman yang timbul dari keadaan ekonomi dunia yang tidak menyenangkan itu. Satu lagi sidang Kemuncak pemimpin-pemimpin negara-negara Perindustrian yang maju akan diadakan di Tokyo tahun depan. Adalah diharapkan, langkah-langkah akan diambil dari sekarang dengan menumpukan perhatian yang berat tentang bagaimana hendak menyusun strateji ekonomi dan kewangan dunia yang lebih berkesan supaya dapat diterima di dalam Sidang Kemuncak di Tokyo itu, dan kemudian dilaksanakan dengan membawa kesan yang berfaedah.

### ASEAN

Oleh itu nampaknya kerjasama antarabangsa dan semangat saling bergantung nasib ini tidaklah semaju yang diharapkan.

Nampaknya negara-negara membangunlah yang lebih rugi berbanding dengan negara-negara perindustrian akibat lambatnya selesai isu-isu ekonomi antarabangsa, yang berkait dengan Perundingan Perdagangan Berbilang bangsa dan Tabung Bersama. Oleh yang demikian, adalah penting bagi negara-negara membangun memperkukuh usaha-usaha kerjasama mereka di dalam lapangan ekonomi, perdagangan dan kewangan supaya dapat meningkatkan lagi ketahanan sosio-ekonomi kita.

Oleh yang demikian, Mesyuarat Menteri-menteri Ekonomi ASEAN yang dirasmikan oleh Perdana Menteri kita pada hari ini adalah mengandungi erti yang istimewa bagi kita semua. Mungkin ada orang memikirkan bahawa ASEAN seharusnya dapat bergerak lebih cergas, tetapi pada hemat saya lebih baiklah dengan usaha sungguh-sungguh maju setapak demi setapak daripada berkejar dengan tidak ketentuan.

Sepertimana yang Ahli Yang Berhormat sedia maklum, kemajuan ASEAN sebenarnya sangat-sangat mengagumkan. Kita telah berjaya mencapai semangat bersatu tujuan, pertalian persaudaraan yang bertambah kuat dan persefahaman yang asasi mengenai kehendak dan aspirasi satu sama lain melalui ASEAN, dalam tempoh yang singkat. Selain dari itu, banyak sudah faedahnya yang ternyata, hasil dari perundingan-perundingan koordinasi yang dikelolakan menerusi jawatan-jawatankuasa berasingan yang bersabit dengan Perdagangan, Perusahaan Makanan, Kewangan dan Pengangkutan.

ASEAN telah membolehkan kita bukan saja melaksanakan kerjasama serantau yang lebih meluas, tetapi juga berkat kerjasama secara sekumpulan kita dapat menghadapi Amerika Syarikat, EEC, Jepun, Australia dan New Zealand secara berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, semangat persaudaraan ASEAN dapat dirasakan di forum-forum antarabangsa terutama sekali mengenai isu-isu antarabangsa yang berkait langsung dengan kepentingan Malaysia dan ASEAN. Ini termasuklah perkara-perkara penting mengenai Perundingan Perdagangan Berbilangbangsa (MTN), Tabung Bersama dan isu-isu yang akan dibangkitkan di dalam Mesyuarat UNCTAD V di Manila tahun depan.

Sekiranya semangat saling bergantung nasib antarabangsa ini terus lemah berterusan maka kita perlu bukan saja mengukuhkan ketahanan ekonomi kita, tetapi juga memperhebat kerjasama kita di dalam ASEAN untuk mencapai tujuan dan kemajuan yang lebih besar.

#### *Penutup*

Tetapi saya yakin bahawa ekonomi Malaysia akan terus maju meskipun keadaan ekonomi dunia tidak menyenangkan berkat ketahanan ekonomi kita dan usaha-usaha Kerajaan yang terus menerus untuk membolehkan ekonomi negara terus maju.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Dato' Haji Mohamed bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ini ialah Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1979 dan memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu" dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

*4.34 ptg.*

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Belanjawan tahun 1979, dan sambil menyokong . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat dtempohkan selama 15 minit.

*Persidangan dtempohkan pada pukul 4.34 petang.*

*Persidangan disambung semula pada pukul 5.00 petang.*

(Tuan Timbalan) Yang di-Pertua *memperkerusikan Mesyuarat.*

*5.00 ptg.*

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong dengan sepenuh-penuhnya apa yang diterangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri

Kewangan berkenaan dengan kedudukan ekonomi kita pada hari ini dan tahun yang akan datang.

Saya tertarik sekali apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Mulia itu berkenaan sosio-ekonomi bersatu, mewah dan teguh untuk warganegara di negara kita ini, terutama sekali kepada bumiputra. Pada hari-hari yang lepas sesudah mencapai kemerdekaan 20 tahun lamanya, di dalam tempoh 20 tahun pembangunan boleh dikatakan pesat tetapi baharu-baharu ini lebih pesat lagi pembangunan, kerana Kerajaan sedar dengan adanya pembangunan yang pesat di dalam sesuatu negara itu baharulah rakyatnya boleh mencapai kemakmuran, kestabilan dan perpaduan. Jika satu-satu kaum sahaja dan satu-satu negara sahaja mencapai kenikmatan iktisad dalam satu negara, negara itu sampai bilapun tidak boleh mencapai keamanan. Apa yang dicita-citakan oleh Kerajaan kita pada hari ini iaitu apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Mulia ini ialah kita berkehendakkan satu cita-cita untuk membasmi kemiskinan walau apa bangsanya, apa keturunannya—cita-cita Kerajaan adalah untuk membasmi kemiskinan dalam negara.

Saya sudah tengok tauladan, saya telah pergi ke Afrika, Kenya dan saya juga pergi ke Uganda dalam lawatan atau mesyuarat Komanwel; Tuan Yang di-Pertua juga ikut sama pergi ke sana, saya sampai ke Malawi. Di sana apa yang kita nampak ialah satu bangsa orang Afrika yang mempunyai negara Afrika, orang-orang kulit hitam di sana, hidupnya pahit, susah, menderita. Siapa yang kita tengok di dalam pekan Kenya iaitu yang kita tengok di dalam bandar-bandar di Kenya, di Nairobi, kita nampak orang asing yang mewah, orang asing yang senang-lenang, tetapi orang Afrika bertelanjang. Kalau saya tak cakap betul—Tuan Yang di-Pertua, sendiri bersama-sama dengan saya pergi dan melihat—tentu boleh sahkan apa yang dicakapkan oleh Raja Nong Chik ini betul belaka. Tetapi apabila Kenya telah mencapai kemerdekaan Malawi telah mencapai kemerdekaan, orang-orang Malawi, orang-orang Kenya juga bercita-cita macam kita. Kita bercita-cita iaitu kita telah dijajah selama ini dan kita hendak menengok warganegara Malaysia ini, bumiputrapnya mengəcap kebajikan,

mengəcap kemakmuran yang telah kita korbakan bersama untuk menghalau penjajah dari negara ini.

Di Afrika, orang asing kedainya banyak, besar-besar orang kulit hitam di Afrika pergi membeli, keluar daripada kampungnya, ini saya menceritakan perbandingan kita, daripada kampung mesti ada permit, kalau tidak, tidak boleh keluar ke bandar oleh kerana tidak ada kain hendak dipakai. Tidak ada baju hendak dipakai. Siapa yang boleh pakai baju, siapa ada baju sehelai itu sahaja yang boleh pergi ke bandar. Begitu miskinnya orang-orang di Afrika oleh kerana kedatangan orang-orang asing menjajah iktisad orang-orang Afrika. Ini saya tidak hendak mengatakan siapa dia, tetapi orang-orang Afrika boleh jadi satu hari bodoh, 2 hari bodoh, 10 hari boleh bodoh, 10 tahun boleh bodoh, tetapi tidak jadi bodoh selamalamanya. Saya lebih baik menjadi tuan satu hari daripada menjadi hamba seribu tahun.

Tuan Yang di-Pertua, apa sebabnya orang-orang pelarian daripada Kenya dan lain-lain tempat di Afrika lari lintang-pukang ke London? Oleh kerana di dalam negeri itu iktisad baru hendak dilaksanakan oleh Kerajaan di Afrika, yang diperintah oleh orang Afrika sendiri, orang-orang yang mendatang tidak hendak ikut. Difikirkan orang-orang Afrika ini tidak guna, tidak boleh diikuti, orang putih sahaja yang boleh diikuti. Orang Afrika baru memerintah, dia tidak tahu memerintah. Dengan sebab itu kalau tidak mahu duduk, tidak mahu mengikut perintah, tidak mahu ikut iktisad baru yang dirancang oleh Kerajaan-kerajaan di Afrika lebih baik keluar—'get out' daripada Afrika. Itu sebabnya pada empat, lima, enam, tujuh tahun dahulu kita baca dalam akhbar bagaimana mereka ini lari ke London.

Tuan Yang di-Pertua, saya nampak sendiri satu tong air diletakkan depan kedai, satu koleh atau satu cawan di luar, di situlah orang Afrika itu minum. Tetapi orang yang mendatang kaya-raya dan mewah.

Tuan Yang di-Pertua, di Vietnam pun begitu juga. Orang yang datang ke Vietnam, orang itu yang senang lenang dan mewah, tetapi orang Vietnam sendiri susah dan menderita. Kalau orang tempatan itu sudah menderita dan lemah, tentu mereka itu menaruh dendam. Pada suatu masa atau

suatu waktu yang akan datang tentulah meletus satu-satu kejadian walaupun secara baik atau secara tidak baik. Bagaimana orang Vietnam sekarang, Tuan Yang di-Pertua, bukan orang Vietnam. Bukan orang asli Vietnam, tetapi adalah orang-orang yang mendatang. Lari lintang-pukang bukan kerana senjata hendak tembak-tidak. Tetapi kalau tidak hendak mengikut perintah Vietnam, keluar. Dulu dikatakan kominis baik, dulu hendak benar suruh kominis datang, macam mana negeri kita pada hari ini orang-orang lari ke dalam hutan, orang-orang pergi ke hutan dengan senjata menentang Kerajaan kerana hendak meninggikan taraf hidup dalam negeri ini sungguhpun negeri kita satu negeri yang mewah di dalam dunia. Siapa kata tidak mewah? Pergilah ke mana-mana yang cost of living ataupun standard of living kita cukup elok dan teratur.

Tuan Yang di-Pertua, itu juga orang-orangnya yang lari ke dalam hutan menentang Kerajaan dengan senjata berpuluh-puluh tahun kerana hendak meninggikan taraf hidup, tetapi apa taraf hidup yang hendak ditinggikan lagi. Begitu juga di Vietnam apabila komunis sendiri memerintah, iaitu orang-orang Vietnam sendiri menjadi kominis memerintah negerinya. Kalau negeri ini, Tuan Yang di-Pertua, diperintah oleh kominis misalnya, bumiputra, bagaimana? Lari lintang-pukang ke negeri-negeri yang lain. Jadi itulah sebabnya Kerajaan kita apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Mulia Tengku Razaleigh Menteri Kewangan, tadi bahawa iktisad kita, saya yakin dan percaya akan disokong oleh semua bangsa dan semua kaum di dalam negeri kita terutama sekali bumiputra. Begitu juga bukan bumiputra yang menekan negeri ini adalah negara yang sebenar-benar kepunyaan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kita tengok perkembangan pesat di dalam negeri kita, seperti apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Mulia tadi pada masa yang akan datang inflasi ataupun pertumbuhan kenaikan barang cuma 5% tetapi kita akan mendapati kelebihan pendapatan (income) sebanyak 7.2%. Ini menunjukkan iaitu negeri kita akan mencapai iktisad yang lebih makmur lagi pada tahun-tahun yang akan datang daripada tahun-tahun yang lepas dan rancangan-rancangan Kerajaan untuk pembangunan ekonomi seperti menggalakkan

kilang-kilang, pelaburan dan sebagainya supaya dapat menampung bilangan pekerja-pekerja warganegara.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir yang penting sekali di sini saya mengingatkan, satu: apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Mulia tadi, pegawai-pegawai untuk pembangunan yang kita akan belanjakan banyak untuk gaji-gaji mereka. Kedua, pembangunan yang kita akan perbuat di dalam negeri kita. Jikalau kakitangan Kerajaan yang kita akan ambil dan yang telah bekerja di dalam negeri kita cuai atau lalai walaupun berapa ratus melion yang dicurahkan oleh Kerajaan, kerja-kerja yang kita kerjakan atau yang kita kehendakkan untuk pembangunan negara akan gagal. Dengan sebab itu saya fikir pegawai-pegawai Kerajaan mesti jujur terhadap negaranya, bukan pegawai-pegawai Kerajaan apabila pukul 4.30 petang hendak pergi main golf atau setengah-setengah pegawai di badan-badan separuh Kerajaan macam UDA, PERNAS dan MARA cuma memikirkan bekerja untuk mendapatkan gaji, tetapi bukan untuk pembangunan terutama sekali pembangunan bumiputra. Pukul 4.30 petang dia balik. Dia tidak ingat apa lagi. Besok datang barangkali pukul 8.00 pagi. Kalau trafik banyak, pukul 9.00 atau 9.30 pagi. Kalau inilah ingatannya, maka pembangunan terutama sekali untuk bumiputra tidak akan tercapai walaupun Yang Berhormat Mulia Tengku Razaleigh Menteri Kewangan kita mencurahkan banyak wang untuk pembangunan.

Kita tengok pada hari ini, Tuan Yang di-Pertua, kita nampak memang ada pembangunan-pembangunan yang dibuat oleh UDA, tetapi sangat lembab. Apa yang dibuat oleh UDA sendiri? Kita tahu apa yang telah dibuatnya. Bukan kita kata dia tidak buat apa-apa, tetapi kepada warganegara, terutama sekali bumiputra apa yang dibuat oleh UDA tidak cukup. Apa yang dibuat oleh UDA tidak banyak didapati oleh rakyat jelata. Ini mesti disemak balik apa pembangunan UDA. Apa cita-cita kita terhadap UDA itu. Kita tengok dalam pekan UDA buat projek-projek perumahan yang besar-besar, rumah-rumah yang mahal \$100,000-\$150,000 atau \$200,000 satu rumah, yang sekecil-kecilnya \$40,000-\$50,000. Kebanyakan projek ini bukan dapat dinikmati oleh orang miskin, tetapi dapat pada orang-orang yang kaya raya dan yang senang lenang. Tetapi kepada orang kampung memanglah kalau menoreh getah tetap menoreh getah. Kalau

\$1 sekati getahnya, kalau dapat lima kati, \$5.00 maka tidak dapat kita tinggikan taraf hidup mereka. Tetapi itu sebabnya UDA ditubuhkan, untuk mencari jalan bagaimana hendak meninggikan taraf hidup orang-orang kampung ataupun orang-orang kampung-kampung baru serta di tempat-tempat lain. Kalau orang yang dapat lima keping, lima kepinglah getahnya, bukan saya katakan tidak ada pembangunan yang di mana dihantar orang-orang ini di skim-skim yang baru, tetapi berapa banyak orang-orang yang pergi ke skim-skim tanah Kerajaan ini? Berapa banyak selama hari ini, Tuan Yang di-Pertua, Akan tetapi yang banyak duduk di kampung itu bagaimana? Macam mana kita nampak, sebelum merdeka begitu juga kedudukan orang-orang kita di kampung-kampung sungguhpun ada elektrik. Saya tidak menafikan tiada letrik, tidak ada air dan sebagainya, ada. Tetapi bagaimana dan apa peranan UDA, MARA dan lain-lain. Apa yang dibuatnya, tidak ada rancangan langsung, Tuan Yang di-Pertua.

Apa yang dibuat oleh MARA ialah pasar minggu. Itulah dibuat—pasar minggu, seminggu sekali di situlah orang-orang kita menjual pucuk-pucuk pakis, ubi dan sebagainya yang diberi oleh Tuhan. Tudung-tudung dan lain-lain barang yang lama. Sepatutnya orang Melayu terutama sekali tentu sudah maju setelah 21 tahun merdeka, sudah maju, Tuan Yang di-Pertua.

Jepun merdeka daripada Samurainya 20 tahun sudah boleh menyerang Russia. Tetapi orang Melayu duduk begini juga. Barangkali beberapa orang sahaja orang-orang Melayu yang maju. Menteri Kewangan telah beri peruntukan, saya bukan salahkan Kerajaan, tetapi pegawai-pegawai Kerajaan inilah yang patut kita sekeru betul-betul. Mereka yang salah, bukan Kerajaan yang salah. Kita mesti semak apa yang telah dibuat, banyak yang merugikan Kerajaan. MARA buat UBIYU; UBIYU habis! Adakah mesin ubi kentang dibeli untuk ubi kayu? Tuan Yang di-Pertua, saya ini bercakap sedikit, tidak sekali-kali hendak mencerca Kerajaan, tetapi nampaknya wang yang dicurahkan oleh Kerajaan nampaknya sedikit sangat keuntungannya bagi faedah negara dan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya kita pada masa yang akan datang mesti semak perkara ini. UDA berkongsi 30% jadi UDA tidak ada suara pemutus. Yang Berhormat Menteri Kewangan adalah pakar

dalam iktisad tentulah tahu. Kita tahu iaitu jika saham itu tidak melebihi daripada orang lain, kita tidak dapat bersuara apa-apa. Bagaimana dia hendak bersuara, misalnya, panggung wayang itu apabila sudah dibuat satu joint-venture, UDA ada 30% kalau kita hendak mengatakan itu panggung kita, dia kata tak boleh. Apa hendak dibuat? Baiklah dia kata 10% untuk bumiputra, jadi ada 10% hak bumiputra. Bumiputra mana yang boleh membeli, bumiputra yang lain tidak juga dapat apa-apa. Jadi, saya haraplah kerana badan-badan serupa ini pegawai-pegawainya hendaklah bertungkus lumus betul-betul secara jujur dan ikhlas bagi membangunkan ketinggalan iktisad bumiputra dalam negara ini.

Saya tak salahkan orang lain dalam hal ini, sebab orang lain juga bersetuju iktisad orang Melayu 30% mesti dipegang oleh orang Melayu. Itu tidak menjadi soal. Siapa yang mempersoalkan perkara ini, orang itu tidak jujur kepada bangsa Melayu, tak jujur kepada bumiputra. Ini adalah dasar Kerajaan dalam iktisad. Saya yakin dan percaya semua Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini bersetuju di atas perkara ini. Bukan hendakkan banyak, hanya 30% daripada 100%, bukannya baik, bukannya ikhlas, bukannya itu timbang rasa, bukannya hati perut orang Melayu baik? Jadi menjalankan dasar untuk mencapai 30% dalam tempoh 12 tahun lagi, itu yang penting kepada kita semua. Saya tahu bukan saya katakan mesti di dalam satu hari. Kita tak dapat capai, tetapi di dalam tempoh 12 tahun lagi yang kita telah beritahu kepada bumiputra sekurang-kurangnya 30% saham itu dibahagikan kepada bumiputra. Sebab itulah Kerajaan memberikan wang itu jangan membazir, ditanam modal. Jangan membazir supaya dapat kita pegang 30% yang diperuntukan kepada kita bumiputra kerana bumiputra-bumiputra yang lain macam kita orang-orang Melayu yang lain di Sabah dan Sarawak apa ada daya-upaya?

Di Sarawak orang-orang kita samada Dayak Laut, Dayak Darat, apa yang ada kepada mereka hendak membeli saham? Di Sabah juga berapa kerat sahaja orang kita yang boleh membeli saham. Begitu juga di sini maka dengan sebab itu kita memandangkan badan-badan Kerajaan serupa inilah yang boleh menebus apa kerugian kita dahulu, apa yang telah tergedai dahulu boleh ditebus oleh badan ini dengan seberapa segera yang boleh. Ini harapan

kita apabila bumiputra itu ada berduit maka bolehlah membeli balik saham-saham daripada UDA atau badan-badan Kerajaan itu.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pembangunan kilang-kilang, apa yang dikatakan orang-orang luar dan orang dalam menanam modal dalam negara kita, perlonggaran-perlonggaran mestilah juga diberi. Perlonggarannya seperti pakar-pakar dia apabila masuk ke dalam negeri ini yang saya dapat tahu, saya juga menceburkan diri dalam perkara ini, pakar-pakar orang luar ini mesti senang masuk ke sini, jangan sampai 4 bulan atau satu tahun baru diluluskan kerana Polis hendak periksa, di pihak Polis pula tunggu 6-8 bulan pula, tergantung di situ sahaja. Tak boleh masuk orang-orang ini. Jadi kalau satu pihak mempelawa masuk tanam modal, Kerajaan memang menggalakkan, tetapi sebelah pihak mengatakan mesti ada siasatan Polis, Special Branch, ini mustahak kalau tidak komunis akan masuk. Pihak lain pula mengatakan, saya tak boleh buat apa-apa. Ini mesti disiasat. Kalau kita bertanya, jawabnya, nanti. Empat lima bulan belum lulus lagi. Jadi dalam dunia perniagaan dan perusahaan, Tuan Yang di-Pertua, kita hendak rebut peluang, buat fektori beli tanah dan sebagainya. Jadi kalau peluang ini sampai enam bulan baru dapat seseorang pakar masuk, maka tentulah apa yang dikatakan oleh orang luar negeri, ini tak boleh, baiklah aku pergi menanam modal di tempat lain. Sungguhpun dalam negeri kita, memang iktisadnya bagus, keadaan politiknya pun bagus, memang mereka itu hendak masuk dalam negeri kita menanam modal, tetapi oleh kerana kelambatan-kelambatan daripada pihak yang tertentu menjadi halangan. Ini yang saya harap Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan dapat mengambil ingatan supaya banyak orang dapat menanam modal di dalam negeri kita ini.

Kedua, Tuan Yang di-Pertua, kelulusan pelan-pelan untuk membuat fektori ini juga menjadi masalah. Ini sudah selalu dibincangkan tiap-tiap kali mesyuarat Belanjawan, tiap-tiap kali mesyuarat Parlimen hingga 6 bulan belum lagi mendapat kelulusan. Kena pergi, samada dihantar kepada Bomba, kepada itu, kepada inilah, kepada nabi itu, nabi ini, berpuluh nabi enam-tujuh bulan belum lagi mendapat kelulusan. Katanya hendak menggalakkan perusahaan tetapi kelulusan susah dapat. Bagaimanakah caranya orang hendak menanam modal?

Ketiganya, kalau hendak menukar syarat tanah cukup susah. Memang dikatakan boleh menukar syarat, tetapi tukar syarat pun memakan masa cukup lama, cukup rumit. Ada yang setengahnya tanah State, sungguhpun dikatakan Menteri Besar tengok dahulu, kalau dalam bandar pun mesti tengok juga. Tak ada fasal atau soal Menteri Besar, tetapi mesti tengok juga. Entah apa hendak ditengok pun tak tahulah saya. Jadi dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya minta bukan sahaja Kementerian Kewangan telah menggalakkan menanam modal tetapi Kementerian lain juga. Sungguhpun Kerajaan Negeri tidak ada kait mengait, tetapi tentu juga ada kait mengait, sebab modal ini masuk bukan kepada Federal sahaja, dia masuk kepada tiap-tiap negeri terutama sekali negeri Kelantan misalnya, tentu berkehendakkan kelulusan daripada Kerajaan Kelantan.

Keempatnya, bagi orang yang hendak datang itu, mereka hendak periksa semua kemudahan; bagaimana jalan rayanya, tenaga letriknnya dan sebagainya. Tuan Yang di-Pertua, jangan dikatakan buat projek di Kelantan atau Trengganu, ataupun negeri-negeri yang lain, tetapi kalau kita katakan di Petaling Jaya/Shah Alam sahaja dalam sebulan ada dua kali power failure. Kalau sudah power failure dua tiga kali dalam sebulan, berapa banyak kerugian? Bolehkah Kerajaan bayar kerugian itu—bolehkah Kerajaan bayar dan bertanggungjawab atas kerugian itu? Kalau tidak, Kerajaan tak tahu. Bila kita tanya, LLN mengatakan, sebab wire rosak dan sebagainya. Siapa peduli wire rosak, tiap-tiap kali rosak sehingga sebulan tiga kali rosak. Jadi wire apa yang rosak?

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini mesti diperbaiki dan pihak-pihak yang bertanggungjawab mesti memperbaiki dahulu, barulah pemodal-pemodal luar negeri akan datang ke negeri ini. Ini adalah satu misalan yang saya hendak katakan supaya Yang Berhormat Menteri-menteri yang bertanggungjawab menjawab dengan betul-betul, jangan apabila menjawab nanti ia akan mengatakan bekalan letrik akan diadakan kerana kita telah memberi peruntukan sebanyak \$400 melion kepada N.E.B. ataupun kita telah beri kepada PWD untuk membuatnya, tetapi tidak dibuatnya bagaimana? Orang-orang luar negeri hendak masuk takut, terutama sekali kepada perusahaan membuat botol dan gelas. Kalau bekalan letrik habis tidak boleh digunakan langsung botol-botol itu, dibuang

semua sekali, furnacnya tidak boleh digunakan langsung, beku gelas-gelas itu. Jadi Tuan Yang di-Pertua, perkara ini mesti ditengok oleh Kerajaan supaya pemodal-pemodal asing masuk ke dalam negeri kita.

Apabila modal asing ini masuk ke dalam negeri kita ini, Tuan Yang di-Pertua, seperti apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Mulia tadi, maka di sini juga Kerajaan mesti menengokkan supaya terpelihara. Dan apa yang telah dijanjikan oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian, hak-hak bumiputra itu mesti kita jaga. Ada orang-orang di dalam negeri kita ini yang berpura-pura menonjol-nonjolkan mengatakan dia menyokong hak-hak bumiputra sebanyak 30% di negeri kita dalam Dasar Ekonomi Baru. Saya harap jikalau ada sokongan begini, biarlah sokongan daripada hati dan jantung yang sebenarnya, bukannya sokongan daripada mulut sahaja. Sebab saya mengatakan begitu kerana ada Chamber of Commerce—bukan Malay Chamber of Commerce, tetapi Chamber of Commerce asing, berkenaan dengan Industrial Co-ordination Act, mengadakan mesyuarat menentang ICA, satu nadanya menyokong dan di nada yang lain menentang ICA ini. Jikalau ada PERNAS, UDA dan sebagainya boleh membeli 30% daripada saham-saham yang diperuntukkan itu, maka apabila satu-satu industri luar negeri menanam modal di dalam negeri ini, mereka sudah selidik segala-galanya, keuntungan dan kerugian, semuanya sudah diselidiki viabilitinya projek itu. Kalau perkara ini memang boleh untung, barulah modal asing masuk. Bukan macam orang bumiputra, misalnya, saya hendak mendirikan perusahaan membuat bakul. Pada hari ini mengajak orang membuat bakul, tetapi besok sudah dirobohkan, habis bakul tidak dapat dijual kerana market facilities tidak ada, habis jahanam, modal kita pun jahanam. Tetapi orang asing kalau ia masuk ke dalam negeri ini, dia telah survev segala-galanya, kalau ada keuntungan 8%-10% barulah dijalankan projek-projek ini. Saya ingat PERNAS, UDA dan sebagainya yang mana mempunyai saham-saham di dalam Kementerian Perdagangan dari Perindustrian bolehlah diberi oleh badan-badan ini dengan sebanyak-banyak yang boleh.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Kementerian-kementerian yang berkenaan atau Badan-badan Penerangan dapat memberi penerangan kepada orang asing yang bukan

orang Melayu. Beritahu ke New Villages, estate-estate, katakan dan terangkan kepada mereka betul-betul daripada hati ke hati, apakah sebabnya orang Melayu (bumiputra) ini berkehendakkan 30%. Sebagaimana yang saya katakan tadi contohnya di Afrika dan di Vietnam. Kita berkehendakkan kemakmuran, keadilan, kestabilan dan juga keamanan tercapai.

Saya sebagai bumiputra di dalam negeri saya sendiri kalau perut saya lapar, saya tidak peduli apa, dan apa sebabnya? Kalau saya malas, apa boleh buat takkanlah selepas 20 tahun merdeka orang Melayu (bumiputra) itu malas, itu adalah bohong. Tujuan Kerajaan, saya memang sokong dengan sepenuh-penuhnya terutama pembahagian ekonomi yang betul-betul. Rakyat lain yang telah menjadi warganegara ini hartanya mestilah dijaga oleh Kerajaan supaya jangan dirampas oleh orang lain.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam pembangunan-pembangunan ini juga seperti yang dikatakan akan dicurahkan dengan bermelion ringgit, beribu melion dan beratus-ratus melion. Ini juga mesti kita tengok iaitu di dalam pembangunan ini banyak yang kita hendak buat. Dan boleh atau tidak kilang-kilang ini menjual barang-barang ini kalau sekiranya dikehendaki oleh rakyat. Saya menyatakan begini, kerana dalam Rancangan Lima Tahun yang akan datang, berapa banyak perumahan hendak diadakan dalam negeri kita, berapa banyak jambatan, berapa banyak bangunan-bangunan yang tinggi dan sebagainya.

Pada hari ini kita telah rasa kekurangan (shortage) barang-barang, apabila kita beritahu kepada Kerajaan, Kerajaan buat tidak tahu sahaja, sebab rancangan-rancangan ini tidak dibuat mengikut tahun-tahunnya. Kalau misalnya Kerajaan hendak menjalankan satu-satu projek dalam Rancangan Lima Tahun Ketiga, rancangan kita yang di luar mestilah dijalankan begitu juga. Satu daripada contohnya ialah iron bars dan steel bars. Pada hari ini kita difahamkan oleh Malayawata steel bars cukup, siapa yang mengatakan tidak cukup, ini adalah tidak betul. Tetapi pada hari ini bangunan-bangunan Kerajaan tidak dapat didirikan dan ia mengatakan ini adalah disebabkan perbuatan menyorok, kalau ada siapa yang menyorokkan iron bars dan steel bars ini kita boleh hukum seperti cancel lesennya dan cancel segala-galanya, ambil nyawanya

pun boleh. Jika Kerajaan tidak menjalankan tugasnya bagaimana? Kalau misalnya Malayawata tidak mencukupi supply, demannya begitu banyak, supply tidak ada, bagaimana? Malayawata tidak mengatakan tidak cukup.

Tuan Yang di-Pertua, saya menjadi President of the Building Supply Association. Saya mengatakan tidak cukup, tetapi saya telah dipanggil dalam satu mesyuarat mengatakan perkara itu tidak betul. Ini mesti ada perbuatan menyorok. Saya kata kalau ada perbuatan menyorok begitu, tangkap Hong Leong, tangkap orang-orang yang besar. Orang Melayu hendak sorok apa; satu batang iron bar pun tidak ada. Kemudian daripada itu mereka tahu betul shortage of iron bars, sebab perusahaan pembangunan tidak dapat dijalankan sepertimana yang dikehendaki oleh Kerajaan. Kementerian memberi lesen impotnya pula kepada Malayawata dan juga kepada kilang-kilang. Ini yang anih sekali bukannya memberi lesen impot kepada pembekal tetapi memberi pula lesen impot ini kepada kilang-kilang, sepatutnya dia mengilang bukan importers, diberi lesen ini kepada kilang dan pengusaha ini mengimpot pula, saya tidak kira Malayawata, sebab 70% kepunyaan Kerajaan—biarlah tidak apa. Tetapi mini mills inipun ada lesen, 1,000 tan misalnya dibawa masuk diberi kepada mini mills dan berkongsi dengan mini mills. Jadi ini mengkayakan mini mills, Malayawata, tetapi tidak mengapa kerana Kerajaan mempunyai saham sebanyak 70% di dalamnya, Kerajaan akan kaya—saya suka. Tetapi mini mills yang lain-lainnya sudah kaya-raya kerana impot lesen diberi oleh Kerajaan. Apabila ditengok balik, barangkali Kementerian ini sudah buat salah, lekas-lekas ditukarkan.

Sekarang pula, Tuan Yang di-Pertua, orang yang memakai barang yang terbuang (end uses) pula diberi lesen. Misalnya si A diberi, barangkali kerjanya ada 50 tan besi, diberinya lesen 50 tan, suroh impot dari Jepun atau daripada mana-mana, begitu juga si B, si C, iaitu end uses ini. Oleh sebab itu, Kementerian mesti memikirkan iaitu hendak buka L.C. impot 50 tan besi barangkali orang Jepun pun tak hendak jual, maka langsung projeknya tak boleh berjalan.

Jadi sekarang, Tuan Yang di-Pertua, orang-orang yang mendapat lesen iaitu si A, B, C pergi menjual lesen satu tan kalau hendak ambil \$20, misalnya Malayawata

atau PERNAS, tidak usah beri yang lain-lain, kalau diberi kepada orang-orang Melayu barangkali orang Melayu jual lesen ini, tidak usah percaya kepada orang-orang Melayu, sebab orang Melayu ini penjual lesen, kalau orang lain—tidak, dia percaya lain daripada orang Melayu tidak menjual lesen. Beri kepada PERNAS Trading misalnya, biar PERNAS Trading impot besi-besi dengan banyaknya, berapa hendak—ratus ribu tan, beli, masukkan dalam negeri ini supaya pembangunan dapat berjalan, ini tidak dapat. Sekarang Malayawata tutup mill sementara, kerana mesinnya, di mana hendak dapat. Ini juga kita curahkan duit ditempatkan ini, kita curah berapa melion ringgit, pembangunan tidak dapat dibuat, terutama sekali kontrektor Melayu bukannya ada tempat yang lain, macam United Steel Mill (USM) diborong oleh Hong Leong, dua tahun semua productionnya dibeli, orang Melayu tidak dapat berbuat begitu. Jadi orang-orang inilah yang susah. Orang-orang yang kita hendak bangun daripada Rancangan Lima Tahun Yang Ketiga ini apa yang boleh kita buat.

Saya ini bercakap, Tuan Yang di-Pertua, dari hati ke hati, dari perut ke perut supaya Kerajaan tahu betul-betul bagaimana hendak menolong bumiputra; kalau hendak dikeluarkan lesen kepada orang Melayu tidak percaya. Apa yang hendak dibuat oleh bumiputra ini hendak meninggikan taraf hidupnya tetapi semua tak percaya, jadi serba susah hendak menjadi bumiputra. Ini tak percaya, itu tak percaya, kadang-kadang karut sahaja hendak jadi bumiputra ini. Orang lain pun marah kepada bumiputra ini, sebab orang lain fikir kalau jadi bumiputra, peluang mereka akan terlepas, orang-orang lain terlepas peluangnya. Jadi bumiputra ini betul-betul jadi karut. Ini fikiran saya, sebab perkara ini adalah perkara sebenarnya. Saya harap Kementerian yang bertanggungjawab menengok perkara ini supaya Malayawata itu biar diperbesarkan betul-betul kerana rancangan pembesaran sudah lama dirangka.

Tuan Yang di-Pertua, di Johor hendak didirikan steel mill, di Kelang ada satu steel mill dibuat, ini kononnya dipunyai oleh bumiputra, State-owned steel mill. Dalam perindustrian dan perkilangan ada competition, yang kecil-kecil ini nanti semuanya jahanam oleh kerana dimakan oleh gergasi dalam steel mill ini. State-owned steel mill di

Johor misalnya itu akan habis keciwa dan Kerajaan terpaksa menolong menaikkan harga besi, sebab menolong, ini kepunyaan State Steel mill ataupun lain-lain Kerajaan terpaksa melindungi, kalau hendak melindungi itu terpaksa menaikkan harga. Dengan sebab itu pada masa akan datang kilang-kilang macam ini biar dia amalgamated, biar modal itu ditanam oleh State atau Malayawata. Biar besar Malayawata itu, bukan sahaja untuk menjadi supply kepada Tanah Melayu ini, boleh juga kepada ASEAN sebab satu masa yang akan datang ASEAN ini berkehendakkan pembangunan juga. Kalau kita ada kilang yang begini besar di Tanah Melayu ini, tentu kita dapat mengeluarkan besi waja dan sebagainya untuk memberi atau menjual ke negeri-negeri ASEAN ini, tetapi kita adakan competition kecil-kecil di antara kita juga dan akhirnya kita juga yang jahanam nanti dan kalau tidak jahanam end uses ini akan memakai besi-besi lebih mahal yang dapat daripada luar negeri, oleh kerana nanti dibuat sekatan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian mengatakan tidak boleh dibeli daripada luar negeri. Biar pun di luar negeri ini murah tetapi kita tidak dapat membeli oleh kerana kita hendak melindungi industri kita, itu akan jadinya.

Akhirnya, Budget kita yang akan datang yang begitu banyaknya itu kalau boleh membuat satu rumah cuma boleh buat setengah rumah sahaja sebab harga simen pun naik dan segala-galanya naik. Jadi apa yang kita rancangkan, iaitu inflation kita 5% akan naik pada hari akan datang ke 10% oleh kerana harga-harga ini akan naik juga. Ini adalah pandangan saya yang jujur, diharap Kerajaan menengokkan perkara-perkara ini secara jujur juga.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan United Nations yang dikatakan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan tadi bahawa United Nations ada membantu negara-negara membangun dan menggantungkan nasib mereka kepada United Nations. United Nations ini juga macam League of Nations dahulu sesudah Perang Dunia Yang Pertama, begitu juga kita menggantung nasib kita kepada League of Nations yang tidak begitu complex daripada United Nations sekarang tetapi bergantung nasib sebab dikatakan perang tidak akan ada lagi, manusia telah insaf dan sebagainya tetapi

apa telah jadi perang di Spain, di Abyssinia di Tripoli dan sebagainya, apa jadi? League of Nations juga gagal. Apabila Perang Dunia Pertama di Portsdam, Yalta, di Casablanca dan juga di St. Francisco diadakan mesyuarat-mesyuarat untuk menubuhkan United Nations, di situlah United Nations ditubuhkan dengan piagam-piagamnya untuk membantu negeri-negeri yang akan muncul menjadi merdeka selepas perang. Roosevelt menuduh Churchill yang membuat peperangan dunia yang kedua oleh kerana berkehendakkan negeri, tamak untuk menawan negeri-negeri orang. Dengan adanya United Nations akan menolong untuk membangunkan negeri-negeri yang baru, tetapi pada hari ini kita menengok negeri-negeri yang maju dan apa yang dilafazkan oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian itu adalah benar sekali. Kita tengok negeri-negeri yang maju macam di Amerika, Jepun, Jerman Barat dan sebagainya, mereka ini tamak, itulah sebabnya ekonomi negeri-negeri yang hendak membangun tak dapat hendak menggantungkan nasib kepada mereka ini. Walaupun di Tokyo, di Paris, di New York, di Washington diadakan mesyuarat, tetapi tinggal mesyuarat sahaja, negeri yang membangun terutama sekali di Afrika terus begitu juga, tidak dapat dijalankan dengan sempurna, sungguhpun negeri-negeri yang maju hendak membantu.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap kepada United Nations juga, di mesyuaratnya tempoh hari yang mana Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri kita telah pun menghadiri mesyuarat tersebut semasa Budget ini juga, sungguhpun tidak ada menyentuh perkara itu, tetapi ini ada kaitannya dengan United Nations. Orang-orang Vietnam telah lari ke dalam negeri ini, saya tidak tahu kenapa mereka lari, United Nations bertanggungjawab terutama sekali Amerika Syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, Amerika Syarikat sendiri tahu iaitu mereka inilah yang mula-mula menyokong Ngo Dinh Diem, menyokong Kerajaan Vietnam, hingga orang-orang Vietnam porak-peranda dan berapa melion nyawa orang Vietnam mati di Vietnam dan di tanahairnya diporak-perandakan oleh orang-orang Amerika tadi. Orang Amerika menghantar kapal perangnya, kapalterbangnya, askarnya dengan bom-bom yang baru-baru dan membunuh manusia di Vietnam, bukan sahaja manusia tetapi hutan belantara

di Vietnam habis dibomnya dan hasil kayu-kayuan merekapun tidak dapat keluar daripada Vietnam, orang-orang di Vietnam menderita. Orang-orang Amerika ini mestilah bertanggungjawab, apabila telah lari daripada Vietnam meninggalkan orang-orang Vietnam maka Amerika mula-mula mesti bertanggungjawab, sungguhpun telah ambil 100,000 orang, 120,000 orang, ini tidak cukup, orang Amerika bertanggungjawab kepada tiap-tiap orang yang lari daripada Vietnam oleh kerana kalau tidak orang Amerika masuk campur dahulu, orang Vietnam tidak lari daripada Vietnam. Orang Amerika tidak bertanggungjawab, cuma apa yang diambilnya 100,000-200,000 dan orang Amerika mestilah mengambil semua orang pelarian-pelarian. Bukan kita, Kerajaan kita Malaysia yang tidak ada campur langsung berkenaan peperangan di Vietnam kita pula menanggung beban yang seberat-beratnya, menanggung orang-orang pelarian daripada Vietnam ini oleh kerana perbuatan orang Amerika. Perkara ini kita mestilah tegas.

Ada orang mengatakan kita mestilah berdiplomasi dengan orang Amerika ini kerana kalau tidak ambil nanti bagaimana, kita mestilah memujuk mereka suruh ambil, tetapi kita sudah puas memujuk orang Amerika ini, puas kita memujuk tetapi mereka tidak ambil peduli juga. Dengan sebab itu, kita mesti beritahu kepadanya supaya betul-betul bertanggungjawab dan dunia mesti menuduh orang Amerika ini, iaitu mereka ini mestilah betul-betul bertanggungjawab terhadap orang-orang pelarian di sini.

Tuan Yang di-Pertua, tadi juga Yang Mulia Tengku Razaleigh ada mengatakan berkenaan dengan rumah-rumah murah yang akan dibina untuk orang-orang miskin. Tujuan Kerajaan seperti saya katakan tadi memang Kerajaan ada bercita-cita untuk menolong, memberi kewangan dan sebagainya kepada rakyat yang miskin, tidak kira apa bangsa untuk menolong mereka, tetapi di dalam Kuala Lumpur ini kita tengok. Di dalam Kuala Lumpur ini cukai dan segala-galanya dipungut, Kerajaan membantu untuk membuat rumah, kita tahu orang Melayu datang daripada kampung untuk bekerja dalam bandar ini mereka

tidak ada rumah, apa hendak buat. Datuk-nenek mereka sudah lari daripada bandar, balik ke kampung-kampung, di kampung-kampungpun mereka tidak bertanah, apabila factory di sini tumbuh macam cendawan mereka telah datang ke mari untuk mencari kerja, tetapi Kerajaan bertanggungjawab. Jikalau misalnya tidak ada pekerja-pekerja ini bagaimana Kerajaan? Dengan sebab itu Kerajaan bertanggungjawab untuk mendirikan rumah-rumah murah.

Kalau Singapura boleh membuat rumah-rumah murah, habis runtuh di Gelang, di Katong dan sebagainya untuk dibuat flats yang tinggi dengan begitu banyak. Kerajaan Singapura yang begitu kecil boleh buat tentu sekali Kerajaan Malaysia mampu. Apa yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Mulia Tengku Razaleigh tadi bermelion wang telah dicurahkan, tetapi dikatakan tidak ada kakitangan, tidak ada orang yang bekerja dan sebagainya. Kakitangan bukannya kakitangan yang hendak menjadi buruh itu semestinya pegawai Kerajaan, tidak mesti Datuk Bandar menjadi kakitangan untuk membuat rumah ataupun Datuk Bandar atau kakitangan membuat simen dan sebagainya, mereka cuma merancang tetapi apa yang dirancangan. Itu sebabnya kita dapati Sulaiman Flats, itupun sudah berapa lama. Berapa banyak tanah-tanah lombong di keliling Kuala Lumpur, apa sebabnya Kerajaan tidak buat. Kerajaan itu maknanya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur di bawah Kerajaan Federal. Apa sebabnya tidak buat, siapa salah. Kalau misalnya ada 100 buah rumah atau flat, beribu-ribu orang datang untuk meminta. Takkan. Kerajaan tidak tahu di atas perkara ini. Wang yang banyak telah disediakan tetapi apa sebabnya tidak dibuat rumah yang banyak seperti yang dibuat oleh Singapura. Dua tahun rumah akan mahal lagi, sekarang curahkan betul-betul, pinjam banyak-banyak, buat lekas-lekas, tetapi sebenarnya tidak ada rancangan langsung. Biarlah saya tuduh dengan terus terang, tidak ada buat rancangan langsung. Ini baru hendak buat rancangan, buat jalan, tarkan jalan, itu sudah berpuluh tahun. Ibu negeri yang lain semuanya sudah buat, seperti Hongkong, cuba tengok keadaan jembatannya. Negeri kita yang merdeka dan berdaulat dan sebagainya tidak ada apa-apa. Apa sebabnya? Bukan salah Kerajaan bukan Kerajaan tidak berduit, tetapi pegawai yang

merancangnya tidak ada. Ini yang saya katakan pegawai yang merancang tidak ada, pegawai yang balik office, keluar office, pukul 4.00 sudah balik, itulah sebabnya terjadi begini.

Dengan sebab itu, saya menyokong sepenuhnya apa yang telah dikatakan oleh Tan Sri Abdullah Ayub, Ketua Setiausaha Kewangan yang mengatakan pegawai-pegawai Kerajaan mestilah bertugas sebenar-benarnya kalau sesiapa yang tidak hendak bertugas, tanya dua sahaja, iaitu keluar daripada Jabatan ataupun bekerja betul-betul. Satu undang-undang akan dibincangkan di Parlimen, undang-undang ini boleh menamatkan kerja pegawai-pegawai Kerajaan, kalau ada yang tidak betul berjalan, ada yang baik dan ada yang buruk, itu akan dibincangkan kemudian, tetapi ini adalah satu-satunya jalan. Ini jalan paksa, seboleh-bolehnya saya harapkan pegawai-pegawai Kerajaan ada semangat untuk membina, semangat untuk menengokkan pembinaan berjalan.

Di Kuala Lumpur ini saya dapati di hadapan jalan itu bersih tetapi di belakang kita tengok bertimbun-timbun sampah. Jadi nampaknya dicuci di hadapan sahaja, di belakang semuanya kotor. Ini keadaan yang kita tengok di Kuala Lumpur pada hari ini. Cuba lihat di tengah jalan, penuh dengan lalang, tidak boleh langsung meniru bagaimana Singapura, setengah Singapura pun tidak dapat ditiru, kebersihan Singapura setengah pun tidak dapat ditiru, suku Singapura pun tidak dapat ditiru oleh Kuala Lumpur. Ini saya bercakap benar. Cuba tengok dekat masjid kita itu, lalang tidak berpotong, apa lagi di hadapan Railway Station iaitu di tengah-tengah jalan yang bertar itu rumput tumbuh, itupun tidak dapat dicangkul, jalan tidak dibaiki, lekak-lekuk. Inilah kesempatan kita bercakap pada hari ini, sebab Federal Government juga memberi wang yang banyak kepada Ibukota, dengan sebab itu sebagai pusat negara Malaysia, orang-orang yang datang ke negeri kita ini banyak yang melihat, memuji Malaysia ini cantik, Malaysia ini makmur, kaya-raya, tetapi orang itu menengok sekejap sahaja iaitu di hadapan dan bila balik dikatanya kaya-raya, elok dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap dengan secara jujur, kalau kita tengok keliling Kuala Lumpur selalang-lalang dan sesampah-sampah. Pegawai-pegawai di dalam ibukota mesti menengok perkara ini supaya meniru

sedikit—kalau boleh 20% sahaja meniru Singapura, barangkali Kuala Lumpur cukup bersih.

Selain daripada itu, berkenaan dengan kayu-kayan. Ini hendak buat kilang, kayu-kayan akan dipotong, tiada cukai untuk membawa ke dalam negeri kita, sebab Yang Berhormat Mulia Tengku Razaleigh menyatakan 25% cukai untuk impot kayu balak ditarik balik. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak memberitahu sedikit berkenaan dengan kayu balak—ada setengah orang dapat bala kerana kayu balak. Kayu-kayu balak di dalam Malay Reserve, kayu-kayu balak di dalam Native Reserve kalau kita tanya definition of Malay Reserve atau Native Reserve segala kayu-kayan, segala hak-hak yang di dalam hutan dan yang tumbuh itu kepunyaan bumiputryanya dan tidak boleh diusek satu batang kayu, macam forest reserve juga. Attorney-General pun ada di sini boleh betulkan—definisi forest reserve itu tidak boleh potong satu batang pun kayu oleh bukan bumiputra. Kalau Malay Reserve tidak boleh orang-orang lain mengambil kayu selain daripada bumiputryanya, sebab kepunyaan native, kepunyaan bumiputra mengambil balak, tetapi saya hairan, ada concession diberi kepada orang lain, terutama sekali di Sarawak banyak concession yang telah diberi kepada orang lain. Di Semenanjung kita inipun banyak yang buat begitu. Jadi kalau Kerajaan hendak meninggikan iktisad bumiputryanya, yang ada kita beri kepada orang; yang ada di tangan, kita lepaskan; yang lain kita hendak ambil. Saya harap Kerajaan akan menengokkan pada masa yang akan datang segala Native Reserve dan Bumiputra Reserve ini mesti dikhaskan betul-betul kepada bumiputra. Kita tidak hendak mengambil orang punya dan kitapun tidak hendak orang lain mengambil kita punya. Saya memanglah sokong iaitu balak-balak yang datang daripada Sumatra masuk ke Port Swettenham ataupun balak-balak daripada Sumatra ke Palembang masuk ke Johor atau balak-balak dari Borneo di jajahan Indonesia boleh masuk oleh kerana pada hari ini, Singapura boleh membangun, Singapura boleh membuat kilang-kilang papan, kilang-kilang plywood, kayu itu bukannya datang daripada Singapura, sebab Singapura tidak ada kayu. Jadi kayu ini semuanya datang

daripada Indonesia ataupun daripada Malaysia. Malaysia juga, boleh membuat kilang-kilang daripada balak-balak yang kita impot daripada Sumatra, Borneo atau lain-lain tempat.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan perikanan. Perkara ini adalah penting. Apa yang kita katakan hendak menolong orang-orang miskin, membasmikan kemiskinan nelayan-nelayan baik apa bangsapun mestilah dibantu, bukan nelayan yang kita katakan nelayan yang semua ada perahu-perahu kecil 10-20 tan tetapi kita mestilah menengok bagaimana Jepun maju, orang Korea maju, orang Taiwan maju dengan kapal-kapal yang besar-besar 300-400 tan. Ini yang kita kehendaki supaya boleh belayar bukan sahaja 10 batu daripada pantai, tetapi boleh belayar 200 atau lebih daripada 200 batu daripada pantai supaya kita meniru cara-cara iktisad bangsa asing yang telah maju daripada kita.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pelajaran. Banyak peruntukannya dalam Budget ini; pelajaran dibantu oleh Kerajaan. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana usul Universiti Merdeka tidak dibincangkan. Sebab tidak dibincangkan usul Universiti Merdeka ini, barangkali orang-orang ini tahu, Parti Pembangkang tahu, Tuan Yang di-Pertua, tiada satu negeripun kalau kita pandang dalam ASEAN ini di Philippine tiada Universiti Merdeka, di Indonesia tiada Universiti Merdeka, Thailand jauh lagi, di Singapura itu bolehlah diletakkan Universiti Merdeka. Jadi, saya ingat pihak Pembangkang ini mengerti apabila Yang di-Pertuan Agong mengatakan tidak boleh ditubuhkan, kerana berlawanan dengan Dasar Pelajaran Kebangsaan kita. Saya katakan hari itu ada orang-orang yang memaling batu, sorok tangan ke belakang. Ini mesti ingat. Kalau masuk ke kandang kerbau, mestilah menguak; masuk ke kandang kambing, mesti mengembek. Jadi kalau tidak dibuat begitu, saya yakin dan percaya satu perkara yang tidak baik akan berlaku. Dengan sebab itu saya mengucapkan terima kasih betul-betul kerana perkara ini tidak dibincangkan, dan hari itu kalau dibincangkan dengan hangatnya pun bagus, oleh kerana sekali kita bincangkan, kita boleh tutup perkara itu selama-lamanya.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pertahanan (defence). Kita tahu pada hari ini musuh akan datang; dari mana datangnya? Musuh pada hari yang akan datang

bukannya datang dari selatan, tetapi akan datang daripada utara. Kita letakkan Naval Base kita di Lumut, kerana mukanya menghadap Indian Ocean. Di Labuan, Sabah dan Sarawak, Navy kita ada di sana, Air Force kita ada di sana, tetapi di Pantai Timur tidak ada; musuh kita pada masa yang akan datang, akan datang daripada utara.

Jadi, saya minta Kerajaan memikirkan betul-betul, membuat satu Naval base baik di Kuantan, di Kuala Trengganu ataupun di utara sekali, kerana Jepun mendarat dahulu di Kota Bharu. Jadi, bukan cukup di Lumut sahaja. Sungguhpun kapalperang itu berpusing di seluruh negeri, tetapi saya ingat dalam sebuah negara yang merdeka yang mempunyai pantai yang lebar di Semenanjung ini mesti diadakan di sana Naval Base oleh Kerajaan, saya minta kepada Kerajaan oleh kerana perkara ini penting untuk negara kita. Pada hari ini juga kalau kita tengok pendarang haram Vietnam yang datang tiga empat ratus dengan tongkang, kita sudah berasa gentar. Jikalau musuh-musuh datang dengan tiga ratus buah tongkang dengan machine-gun saya tidak tahu apa hendak dikatakan. Dengan itu, kita mesti adakan pertahanan kita di sebelah Pantai Timur supaya pertahanan kita dapat diperkuatkan lagi pada masa akan datang.

6.12 ptg.

**Tuan T. S. Gabriel:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong sungguh-sungguh Rang Undang-undang Perbekalan, 1979.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya memulakan ucapan, saya ingin menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua mengapakah kakitangan Parlimen nampaknya tidak begitu cekap, kerana *Hansard* bulan Oktober yang lalu belum lagi diberikan sehingga sekarang. Saya difahamkan mereka bukan buat kerja mengikut peraturan (work-to-rule) tetapi mereka itu cuma bekerja 8 jam sahaja, mereka yang suka bekerja lebih daripada 8 jam boleh tunggu dan mereka yang tidak suka, boleh balik. Saya fikir, Tuan Yang di-Pertua, patutlah kita timbangkan perkara ini oleh sebab Ahli-ahli Yang Berhormat Parlimen Dewan Rakyat dan Dewan Negara telahpun diberi elaun \$50.00 semalam. Kakitangan Parlimen bekerja lebih daripada 8 jam. Perkhidmatan Parlimen adalah satu service yang unique maka patutlah Kerajaan menimbangkan semula untuk diberi elaun yang telah ditarik balik itu. Saya

syorkan kepada Kerajaan supaya diberikan elaun itu kepada mereka sebab kita dapati mereka bekerja sangat cekap, dengan itu kita dapat mengelakkan perasaan tidak puas hati kerana mereka bekerja lebih daripada masa yang sepatutnya.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya pergi kepada Belanjawan untuk tahun 1979. Ucapan Belanjawan yang dibuat oleh Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, Menteri Kewangan kita boleh dikatakan diterima oleh semua rakyat Malaysia sebagai satu Belanjawan yang berpatutan. Budget yang diisytiharkan sebelum Pilihanraya Umum dikatakan "tip" tetapi oleh kerana Kerajaan yang amat bertanggungjawab kepada rakyat, Budget yang berpatutan telah diisytiharkan di mana harga beberapa barang telah diturunkan. Kerajaan Barisan Nasional selalunya bertanggungjawab dan berpatutan terhadap rakyat dan negara. Tuan Yang di-Pertua, biasanya Menteri Kewangan tidak begitu disayangi oleh rakyat di mana-mana negara juga tetapi dalam masa dua tiga tahun yang lalu Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah telah menunjukkan yang beliau adalah seorang Menteri Kewangan yang berpengalaman, berpengetahuan dan bijaksana. Kegiatan-kegiatan dan usaha-usaha beliau yang tidak dilihatkan selepas menjadi Menteri Kewangan itu adalah demi kepentingan rakyat dan negara.

Sungguhpun Belanjawan adalah berpatutan, saya ingin mengesyorkan kepada Kerajaan, terutama sekali kepada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan supaya menurunkan harga barang-barang keperluan yang mustahak iaitu barang-barang yang biasanya digunakan oleh rakyat yang berpendapatan rendah dan miskin seperti beras, gula, tepung gandum, bawang, ikan kering, minyak kelapa, minyak tanah dan sebagainya. Barang-barang seperti ini adalah amat perlu bagi rakyat miskin.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita maklum bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang maju dan kaya di kawasan Asia dan kita memperolehi satu sistem politik yang cukup stable. Oleh yang demikian, kita tidak bolehlah sama sekali membiarkan rakyat kita sangsara sehingga putus asa dalam apa-apa keadaan. Sebuah Kerajaan yang bertanggungjawab seperti Barisan Nasional mestilah membawa rakyatnya

terutama sekali rakyat yang miskin bersama-sama dengan proses pembangunan negara. Barang-barang yang saya sebutkan sebentar tadi harganya telah dinaikkan semasa inflasi yang begitu hebat pada tahun 1971 dan harga itu tidak diturunkan sehinggalah hari ini. Saya harap Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan akan mencari jalan untuk menurunkan harga barang-barang tersebut seboleh-bolehnya.

Tuan Yang di-Pertua, perkara lain yang amat penting yang saya ingin mengemukakan untuk perhatian dan tindakan sewajarnya oleh Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah ialah tentang kebiasaan yang sedang berlaku selepas pengisytiharan Belanjawan iaitu barang-barang yang telah diturunkan harganya mengikut peratusan tertentu selalunya mengambil masa mengikut sesuka hati pihak yang berkenaan dan jika ada kenaikan harganya barang-barang itu dinaikkan dengan serta-merta. Saya syorkan Kerajaan mengambil tindakan yang sewajarnya supaya mengatasi masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada dasar luar negeri kita. Saya memang menyokong penuh dasar luar negeri kita iaitu Kerajaan Malaysia ingin mengadakan hubungan diplomatik dengan negara-negara lain yang ingin mengadakan perhubungan baik dengan kita tetapi biarlah perhubungan yang dibuat itu demi kepentingan negara kita. Ini adalah amat perlu kita buat perhubungan dengan negara-negara luar jika kita boleh menghasilkan keuntungan iaitu dari segi perdagangan, pelajaran, keselamatan dan sebagainya dan bukan membuka pintu dengan murah hati kepada mana-mana negara tanpa kepentingan negara sendiri. Tuan Yang di-Pertua, beberapa tahun yang lepas dasar luar negeri Amerika Syarikat dan Soviet Union ialah untuk mengadakan hubungan baik dengan negara-negara lain di seluruh dunia demi kepentingan mereka sendiri. Tujuan utama mereka mengadakan hubungan baik itu semata-mata untuk memperluaskan pengaruh mereka di seluruh dunia. Perhubungan yang sedemikian adalah tidak sesuai sama sekali bagi negara-negara yang sedang membangun dan baru mencapai kemerdekaan. Perhubungan seperti ini mungkin timbul perselisihan faham antara negara-negara lain iaitu sebuah negara yang dipengaruhi oleh Amerika Syarikat tidak akan bersetuju dengan negara yang dipengaruhi

oleh Soviet Union, begitu juga sebaliknya, ini juga boleh menyebabkan kacau bilau di antara negara-negara yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya syorkan kepada Kerajaan supaya berwaspada apabila membuat perhubungan diplomatik dengan negara-negara lain. Saya ingin menunjukkan satu contoh iaitu semasa peperangan di kawasan Indo-China, Kerajaan Republik Rakyat China serta Kerajaan Vietnam Utara menentang sehebat-hebatnya Kerajaan Malaysia serta Kerajaan-kerajaan ASEAN. Mereka kata Malaysia dan ASEAN ialah alat untuk Amerika Syarikat. Oleh sebab keadaan di kawasan Indo-China amat berubah, sekarang pandangan China, Kerajaan baru di Vietnam ingin menarik ke sebelah mereka masing-masing perhubungan Malaysia dan juga seluruh negeri dalam kawasan ASEAN. Rakyat ingin tahu mengapakah dan fasal apakah sewaktu peperangan di Indo-China mereka menentang Kerajaan kita dan pada masa sekarang mereka berdua yang telah bergaduh di antara satu sama lain, China Komunis dan North Vietnam telah bergaduh di antara satu sama lain, sekarang mereka memandang ke sebelah negara-negara ASEAN. Kita berjaga-jaga.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang lain ingin saya berucap dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, our system of parliamentary democracy, as we all know, is not the same as that which is practised in the United Kingdom, the United States and other Western countries. Even the democracy being practised in England and America differs from one another for that matter. We control and restrict our parliamentary democracy to suit the national interests of the country. It does not mean that if we practise democracy, we must run wild or streak across the streets. I wish to take this opportunity to praise and congratulate the late Tun Razak for having been far-sighted in introducing these restrictions in our democratic practice.

Tuan Yang di-Pertua, in this connection I wish to quote the speech of the President of the Republic of India, Mr Sanjva Reddy. In his speech, Mr Reddy said:

“In a democracy, there is always place for honest differences. The inherent right of dissent must not, however, be carried to the point of obstructing the

democratic processes, blocking the proceedings of legislature, carrying controversy to the streets, or indulging in the politics of denunciation and manipulation. The country's political system can only function within the framework of accepted norms for self restraint and readiness to place public welfare above narrow party and personal interests.”

Mr Reddy went on to say, “The real crusade in the world today is against poverty”. He then declared that we must end the widening disparity between the poor and the rich and the creation of islands of privilege.

Tuan Yang di-Pertua, although I strongly support and will strongly fight to retain the present democratic practice in our country, I venture to ask after 21 years of independence how much our Government led by Dato' Hussein Onn, who is a tireless and selfless leader, can give in to criticism, especially by the people who have given the Government such a massive support in the last General Election. In my opinion, Tuan Yang di-Pertua, it would be very healthy for a creative Government, like the present Government, if reasonable criticism is allowed not only by the Opposition but by the people as well. If a citizen feels that he is fed up of something or he feels that something is not proper, he should be allowed to voice his dissatisfaction. Our democratic practice should grow from time to time, and the citizen must feel that he belongs to this country and that the country is his, and nothing on earth should deter this feeling of belonging.

Tuan Yang di-Pertua, national development does not only mean that we must build the tallest building in Asia or have a powerful Air Force or Army and have a high standard of living, but what is more important in a democratic country like ours, where we have problems such as national security and national unity, is to instil in the citizen's mind loyalty and patriotism. A citizen must be made to feel that he would be willing to die for the country should the need arise. Tuan Yang di-Pertua, the development of the citizen's mind is very important.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang lain iaitu penyakit binatang ternakan, penyakit mulut dan kaki. Oleh sebab kita telah mengadakan rancangan untuk mengekspot

binatang-binatang ternakan ke seluruh negeri, saya harap Kementerian berkenaan akan mengawal penyakit ini supaya jangan menjadi buruk di seluruh negeri dan semasa Kerajaan menjahanamkan binatang-binatang berkenaan tuanpunya-tuanpunya binatang itu diberi ganti-rugi.

Perkara yang lain, Tuan Yang di-Pertua, kita telah membaca dalam suratkhobar iaitu seorang pegawai kanan, Ketua Pengarah daripada . . . .

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bolehlah menyambung pada hari esok.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang hari esok, 15hb Disember, 1978.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*